

Jilid III
Bil. 37



MALAYSIA

Hari Isnin
1hb November 1993

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7845]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1994
[Ruangan 7885]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1994 [Ruangan 7885]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD.
CAWANGAN JOHOR BAHRU
1998

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

" Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P., D.G.S.M. (Labis)

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

" Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

" Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit)

Yang Amat Berbahagia Menteri Hal Ehwal Sabah, TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.K., K.C.R.L., K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang)

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

" Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

" Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi)

" Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor)

" Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat)

" Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P. (Pekan)

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., B.S.I. (Pulai)
- " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah)
- " Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut)
- " Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- " Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng)
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- " Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya)
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan)
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat)
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut)

- " Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab)
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar)
- " Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam)
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- " Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol)
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah)
- " Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- " Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. (Balik Pulau)
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri)
- " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping)

- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah)
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.P.M.S. (Lipis)
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan)
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

" Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

" Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat)

" TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan)

" DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing)

" TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin)

" TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang)

" TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut)

" DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu)

" TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar)

" DATO' HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K. (Kuala Nerus)

" DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

" TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa)

" DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

" TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru)

" TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh)

" TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang)

" DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu)

" DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu)

" TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun)

" TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai)

" DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat)

Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang)

- " TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang)
- " TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok)
- " TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam)
- " TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar)
- " TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- " DR V. DAVID (Puchong)
- " TUAN FONG KUI LUN (Klang)
- " TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah)
- " TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau)
- " TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera)
- " TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh)
- " TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram)
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas)
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah)
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai)
- " TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah)
- " CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani)
- " LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu)
- " PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu)
- " TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar)
- " DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS, D.I.M.P. (Rompin)
- " TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu)
- " TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit)
- " TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau)
- " TUAN KANG CHOW OH (Kluang)
- " TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong)
- " TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji)
- " DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya)
- " TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan)
- " TUAN LAU DAK KEE (Ipoh)

Yang Berhormat TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu)

- " TUAN LIEW AH KIM (Seputeh)
- " TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka)
- " TUAN LIM HOCK SENG (Bagan)
- " TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong)
- " PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai)
- " DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut)
- " TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam)
- " DATUK MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud)
- " DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang)
- " TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan)
- " TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas)
- " DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran)
- " TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri)
- " TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai)
- " TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru)
- " DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah)
- " DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang)
- " TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam)
- " DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut)
- " DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran)
- " TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit)
- " DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun)
- " DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis)
- " TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan)
- " DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu)
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau)
- " TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor)
- " DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading)
- " DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K. (Nibong Tebal)
- " DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- " TUAN RADIN MALLEH (Padas)

Yang Berhormat PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam)

- " Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- " TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian)
- " PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong)
- " TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong)
- " TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang)
- " DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang)
- " TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau)
- " TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching)
- " PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau)
- " TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas)
- " TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan)
- " DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman)
- " TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi)
- " DR TAN SENG GIAW (Kepong)
- " TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau)
- " TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong)
- " WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar)
- " WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar)
- " TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat)
- " WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh)
- " TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang)
- " DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu)
- " TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang)
- " TUAN WONG WING ON (Kampar)
- " TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai)
- " TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru)
- " TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau)
- " TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban)
- " TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, A.M.N., P.J.K.,
A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Ketua Penolong, Setiausaha: Haji Tajjadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Hajah Shamsiah binti Md. Yusop.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 1hb. November, 1993

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan
Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**
Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

[Soalan No. 1 Y.B. Tuan R. Karpal
Singh tidak hadir]

**KEMPEN BERKONGSI KERETA
—KOS PUBLISITI**

2. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah perkembangan terakhir mengenai rancangan berkongsi kereta yang akan dikenakan kepada wargakota Kuala Lumpur. Berapakah kos publisiti yang telah dan akan dibelanjakan untuk projek ini dan syarikat manakah yang mengendalikan publisiti tersebut.

2.11.93.

18. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(a) sejauh manakah kempen berkongsi kereta yang telah dijalankan

dapat mengatasi keadaan kesesakan jalan raya di Ibu Kota; dan

(b) adakah Menteri Pengangkutan sedar bahawa di dalam melaksanakan sistem berkongsi kereta di Ibu Kota, terdapat beberapa masalah seperti kesukaran bagi mendapatkan penumpang dan suami/isteri yang bertugas di tempat-tempat yang bersaing yang melalui laluan yang berbeza.

10.11.93.

27. Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah apa-apa strategi atau rancangan telah disusun oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur. Apakah strategi dan rancangan itu. Adakah konsep "berkongsi kereta" dapat mengatasi masalah ini. Setakat mana konsep ini dijalankan dan apa kesannya.

18.11.93.

19. Puan Ruhani binti Abd. Karim minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengenai pelaksanaan "Car Pooling" setakat ini. Bagaimanakah maklum balas yang telah diperolehi dari orang ramai.

29.11.93

21. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pengangkutan menyatakan peruntukan

yang dikhaskan untuk kempen “berkongsi kereta” sebelum projek berkongsi kereta ini dikuatkuasakan.

30.11.93.

6. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah kesesakan di Kuala Lumpur. Sejauh manakah kejayaan “car pool” yang baru dilaksanakan; dan
- (b) apakah tahap rancangan Kementerian terhadap dasar percantuman syarikat bas, termasuk mini bas.

14.12.93.

6. Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah cara paling berkesan bagi menggalakkan warga kota berkongsi kenderaan memandangkan jalan-jalan utama sesak terutamanya waktu-waktu masuk dan keluar pejabat; dan
- (b) bilakah sistem pengasingan jalan yang digunakan oleh pengguna yang berkongsi kenderaan dan tidak akan berkuatkuasa.

16.12.93.

2. Lt. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah kedudukan/kemajuan pelaksanaan rancangan-rancangan jangka panjang dan pendek bagi mengatasi kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur yang kian meruncing seperti:

- (a) menggalakkan perkongsian kereta, khususnya di kalangan kakitangan Kerajaan;
- (b) sistem zon masa;
- (c) perkhidmatan keretapi pinggir bandar;
- (d) Transit Laju Ringan (LRT);
- (e) Sistem monorel; dan
- (f) perkhidmatan bas konsortium.

20.12.93.

3. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) usaha mengurangkan kesesakan jalan raya di Lembah Kelang dan sejauh mana ia telah berjalan; dan
- (b) bagaimana perkembangan kempen terhadap kongsi kereta dan berapa banyak peruntukan telah dihabiskan untuk kempen tersebut.

21. Tuan Mohamed Kamal bin Hussein minta Menteri Pengangkutan menyatakan bagaimanakah kedudukan terakhir kempen berkongsi kereta yang dilancarkan di Wilayah Persekutuan. Adakah program tersebut telah mencapai kejayaan, jika tidak apakah masalah-masalah dan halangan-halangan kepada kempen tersebut serta tindakan-tindakan Kerajaan mengatasinya.

22.12.1993.

3. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah kesannya kempen pengiklanan “Single Occupancy

Vehicle" (SOV) yang dilancarkan baru-baru ini oleh Kementerian Pengangkutan;

- (b) bagaimana Kementerian Pengangkutan dapat justifikasikan tindakannya menghadkan kereta dari memasuki bandaraya apabila pemilik-pemilik kereta terpaksa membayar cukai jalan;
- (c) berapakah jumlah perbelanjaan untuk kempen pengiklanan SOV ini;
- (d) pada 18hb. Oktober, 1993, berapakah jumlah wang yang telah dibayar oleh Kementerian Pengangkutan kepada syarikat-syarikat pengiklanan untuk kempen ini. Sila berikan jumlah yang tepat yang telah dibayar kepada syarikat pengiklanan dan nama syarikat pengiklanan berkenaan; dan
- (e) adakah terdapat Tawaran Terbuka (Open Tender) sebelum kontrak pengiklanan Kempen SOV ini diberikan. Jika Ya, sila kemukakan senarai penuh syarikat-syarikat yang telah mengemukakan tawaran mereka dan juga harga tawaran masing-masing. Jika tidak, sila berikan sebab-sebab kenapa tidak dan adakah ini polisi berterusan Kementerian Pengangkutan memberikan kontrak-kontrak tanpa Tawaran Terbuka.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab semua pertanyaan mengenai perkara yang sama yang dikemukakan dalam sesi ini oleh

beberapa Ahli Yang Berhormat seperti berikut:

- (1) Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah (2hb. November, 1993)
- (2) Ahli Yang Berhormat dari Telok Intan (10hb. November, 1993)
- (3) Ahli Yang Berhormat dari Santubong (18hb. November, 1993)
- (4) Ahli Yang Berhormat dari Seputeh (29hb. November, 1993)
- (5) Ahli Yang Berhormat dari Rompin (30hb. November, 1993)
- (6) Ahli Yang Berhormat dari Labuan (14hb. Disember, 1993)
- (7) Ahli Yang Berhormat dari Jelebu (16hb. Disember, 1993)
- (8) Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang (20hb. Disember, 1993)
- (9) Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai (20hb. Disember, 1993)
- (10) Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang (22hb. Disember, 1993).

Tuan Yang di-Pertua, kempen perkongsian kereta melalui media massa telah pun dimulakan pada 15hb. Julai 1993. Daripada maklum balas yang diterima didapati bahawa antara 7% hingga 10% pemandu yang dahulunya memandu berseorangan telah mula berkongsi kereta. Peruntukan yang diluluskan untuk kempen ini adalah sebanyak RM7.7 juta dan dilaksanakan oleh Syarikat Naga DDB Needham Dik Sdn. Bhd. Sehingga 18hb. Oktober 1993,

Kerajaan belum lagi membuat apa-apa bayaran kepada syarikat ini. Perlantikan syarikat ini adalah secara tender. Lima (5) lagi syarikat yang mengambil bahagian dalam tender ini ialah:

- (i) CD Advertising Sdn. Bhd.;
- (ii) Seni Jaya Sdn. Bhd.;
- (iii) TV Am Sdn. Bhd.;
- (iv) Utusan Pearl & Dean; dan
- (v) Hunter Advertising Sdn. Bhd.

Program perkongsian kereta ini adalah salah satu cara untuk mengatasi kesesakan di Bandaraya Kuala Lumpur. Di samping itu, Kerajaan sedang mengambil langkah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam melalui penggabungan syarikat-syarikat bas berhenti-henti, pelaksanaan projek Transit Laju Ringan (LRT), pelaksanaan projek monorel dan projek komuter rel Keretapi Tanah Melayu Berhad dari Rawang ke Kuala Lumpur, Seremban ke Kuala Lumpur dan Pelabuhan Kelang ke Kuala Lumpur yang dijangka beroperasi sepenuhnya pada tahun 1995.

Dalam usaha untuk menggalakkan orang ramai berkongsi kereta, Kerajaan juga akan mengkhhususkan beberapa jalan raya di waktu-waktu sesak atau "peak hours", dengan izin, untuk kegunaan "High Occupancy Vehicle" (HOV) iaitu kereta yang sekurang-kurangnya mempunyai seorang penumpang selain daripada pemandu dan juga kenderaan perkhidmatan awam. Di samping itu, Kerajaan juga menggalakkan majikan-majikan memberi dorongan atau insentif kepada kakitangan mereka yang berkongsi kereta.

Dalam melaksanakan program perkongsian kereta ini, Kerajaan memang menyedari terdapatnya masalah untuk mendapatkan rakan kongsi dan juga terdapat suami dan isteri yang bertugas di tempat yang berasingan dan di laluan yang berbeza. Menyedari hakikat inilah maka Kerajaan mentafsirkan kenderaan High Occupancy Vehicle (HOV) sebagai kenderaan yang sekurang-kurangnya mempunyai seorang penumpang selain daripada pemandu. Ini adalah supaya program perkongsian kereta ini tidak sukar untuk dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan membayar cukai jalan bagi sesuatu kenderaan, tidaklah bermakna kenderaan itu boleh digunakan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Dalam hubungan ini, sesuatu peraturan yang dikenakan hendaklah dipatuhi. Oleh itu, isu mengenai wajar atau tidaknya kereta yang telah dibayar cukai jalan itu dihadkan pula penggunaannya adalah tidak berbangkit dalam hal program perkongsian kereta ini.

Berhubung dengan sistem zon masa pula, setelah mengambil kira keputusan bagi melaksanakan projek-projek tersebut, maka Kerajaan belum bercadang untuk melaksanakan sistem ini di Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya daripada jumlah RM7.7 juta yang dibelanjakan untuk kempen ini, apakah 'breakdown' kepada kos tersebut?

Yang keduanya, daripada kajian oleh Kementerian, menerusi kempen ini berapa peratuskah jumlah kereta yang mungkin boleh dikurangkan dari masuk ke kawasan-kawasan yang sesak dan kawasan tumpuan pada setiap hari?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti

Ismail: Tuan Yang di-Pertua, 'break-down' dengan butir-butir lanjut mengenai RM7.7 juta itu tidak ada pada saya dan saya perlu notis.

Mengenai jumlah peratusan kereta yang boleh disekat masuk, sebenarnya kita melaksanakannya berperingkat-peringkat. Harapan kita, kalau boleh kita hendak seboleh-bolehnya 50% lagi baik. Tetapi untuk mendapatkan 10% pun kita belum sampai kepada 10%, di antara 7 hingga 10%. Ini adalah mengikut kajian pemerhatian yang telah dilakukan oleh syarikat yang kita lantik bagi menjalankan kempen itu. Setakat ini, itu sahaja yang kita boleh dapat tahu.

Tuan Haji Sukri bin Haji

Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah agensi yang dibenarkan untuk menjalankan promosi kempen tersebut diberi kuatkuasa undang-undang? Sebab saya percaya kalau peraturan atau kempen yang dibuat tanpa kuatkuasa undang-undang ianya tidak akan menimbulkan kesan yang baik untuk kesesakan yang berlaku sekarang.

Yang kedua, Yang Berhormat sendiri sedia maklum bahawa masalah kesesakan jalan di Kuala Lumpur ini begitu mendesak sekarang ini. Rancangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi adalah rancangan-rancangan jangka panjang yang berkemungkinan dalam tahun 1995 kesesakan ini dapat diatasi. Yang saya hendak tahunya ialah rancangan-rancangan jangka pendek, yang segera selain daripada sistem kempen "kongsi kereta" yang dibuat, apakah rancangan-rancangan segera lain untuk menyelesaikan masalah kesesakan yang begitu mendesak di bandaraya Kuala Lumpur sekarang?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti

Ismail: Tuan Yang di-Pertua, satu-satu agensi yang melaksanakan kempen sudah tentu kita tidak memberikan kuatkuasa undang-undang kerana dalam Akta Pengangkutan Jalan ia tidak disebut boleh diberi kepada satu agensi seperti itu. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan undang-undang itu pada Jabatan Pengangkutan Jalan dan pihak Polis iaitu jabatan-jabatan yang mempunyai kuasa di bawah Akta. Dan memanglah ada di antara rancangan-rancangan itu adalah berupa jangka panjang. Tetapi untuk makluman Yang Berhormat bahawa kita boleh menguatkuasakannya dengan mengenalpasti jalan-jalan seperti yang saya sebut dalam jawapan asal saya tadi iaitu di jalan-jalan itu kita khaskan untuk H.O.V. (High Occupancy Vehicle). Jadi, bererti sesiapa yang hendak melalui jalan itu mestilah keretanya ada dua orang iaitu seorang pemandu dan seorang penumpang.

Mengenai rancangan jangka panjang tadi, ada juga di antaranya yang jangka pendek. Yang Berhormat tentu ingat bahawa kita beberapa kali telah pun menyebut mengenai menggabungkan syarikat-syarikat bas yang ada dalam wilayah Persekutuan ini iaitu 9 syarikat yang digabungkan menjadi dua syarikat. Dan ini akan dilaksanakan, insya Allah, pada tahun 1994.

**KAMPUS I.T.M. MACHANG,
KELANTAN—PEMBINAAN**

3. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Pendidikan menyatakan kenapakah pembinaan Kampus Institut Teknologi MARA di Machang, Kelantan belum dilaksanakan hingga kini walaupun peruntukan pembinaannya oleh Kerajaan Pusat telah lama diluluskan dan bilakah projek ini hendak dimulakan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja pembinaan Kampus Institut Teknologi MARA (I.T.M.) di Machang, Kelantan sudah pun bermula sejak April 1993. Projek ini dijangka siap pada penghujung tahun 1995. Kemajuan pembinaan projek pada masa ini ialah 30%.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, saya ingin tahu bilakah kampus ini dapat mengambil pelajar-pelajar batch pertama bagi Institut Teknologi MARA, Cawangan Machang ini dan dalam peringkat pertama ini berapakah jumlah pelajar-pelajar yang akan diambil?

Yang kedua, kawasan kampus ini diambil lebih kurang hampir 10 tahun dahulu. Dan semasa ia diambil kawasan pagar hadapan kampus ini berada di road frontage, tetapi setelah berlaku perubahan sebuah jalan baru dibina tidak jauh dari situ dan kita dapati bahagian hadapan pagar itu telah terselindung dan daripada jalan yang baru kepada pagar ini kita dapati tanah yang dimiliki oleh orang awam. Jadi, adakah Kerajaan bercadang supaya kawasan ini nampak elok agar tanah di antara pagar dengan jalan baru dibina itu diambil supaya ia nampak lebih elok dan selesa?

Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah terangkan kita jangka projek kampus I.T.M. ini akan disiapkan pada penghujung tahun 1995 dan sebaik sahaja projek itu siap, kampus itu akan beroperasi. Mengenai dengan bilangan calon itu, saya tidak ada maklumat, tetapi saya akan jawab secara jawapan bertulis.

Berkenaan dengan masalah tanah yang berdekatan kampus tersebut, saya ingin

mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan Kementerian saya akan mengkaji perkara yang telah dibangkitkan itu.

PELAJAR TIGA ALIRAN— PENYELARASAN

4. Tuan Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat:—

- (a) apakah perancangan Kementeriannya untuk menyelaraskan dengan strategi pertama Wawasan 2020 iaitu untuk mewujudkan masyarakat yang BERSATU; dan
- (b) dengan keadaan persekolahan yang ada pada hari ini [Sekolah Melayu] (Kebangsaan), [Sekolah Cina dan Sekolah Tamil], apakah peranan Kementerian supaya pelajar-pelajar yang dibesarkan di dalam tiga aliran ini dapat hidup bersatu di zaman 2020 nanti.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah merangka strategi ke arah membantu dalam pembentukan satu bangsa Malaysia yang bersatu-padu dalam konteks pencapaian Wawasan 2020. Sehubungan dengan ini, segala program yang dirancang dan dilaksanakan oleh Kementerian ini melalui Jabatan Perpaduan Negara adalah bertujuan untuk memelihara, meningkat serta mengukuhkan perpaduan rakyat

dan integrasi nasional selaras dengan dasar-dasar Kerajaan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Program-program yang berkaitan dijalankan menerusi 5 strategi:

- (i) menggalakkan perpaduan masyarakat dan integrasi nasional;
 - (ii) mencegah konflik antara kaum, masyarakat atau wilayah;
 - (iii) menerapkan nilai-nilai kewarganegaraan ke arah pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu;
 - (iv) mengesan dan menilai perhubungan antara kaum dan masyarakat;
 - (v) menyelaras program atau aktiviti perpaduan dengan agensi-agensi Kerajaan, swasta dan pihak-pihak lain.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan memang memainkan peranan bagi mewujudkan perpaduan di kalangan pelajar-pelajar yang berbilang kaum. Matlamat negara seperti yang terkandung dalam strategi Wawasan 2020 sebenarnya bermula di bangku sekolah lagi. Salah satu usaha yang telah sedia dijalankan ialah dengan mewujudkan kurikulum yang seragam untuk semua sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh negara. Ini bermakna walaupun keadaan persekolahan murid-murid sekolah rendah berbeza iaitu Sekolah Kebangsaan,

an, Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Tamil tetapi mereka mengikuti kurikulum yang sama melalui sukatan pelajaran yang sama kandungannya. Kegiatan kurikulum dan budaya sekolah yang sama dan juga mengambil peperiksaan awam yang sama.

Dr. Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab Akta Pendidikan belum digubal atau dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini, saya hendak tahu adakah Kementerian Perpaduan Negara dan Perpaduan Masyarakat bersetuju bahawa perpaduan negara akan dicapai kalau masyarakat, bukan sahaja masyarakat Tionghua dan Tamil tetapi termasuk masyarakat Orang Asli, Dayak, Kadazan dan lain-lain masyarakat dapat mempelajari bahasa Ibunda mereka masing-masing dan ketidakpuasan akan timbul jikalau hak-hak asasi mereka tidak didapati untuk membangunkan pendidikan dalam bahasa ibunda masing-masing? Ataupun Kementerian lebih mematuhi kepada satu dasar asimilasi. Dalam segi ini adakah Kementerian buat input kepada Kementerian Pendidikan.

Yang kedua, adakah Kementerian bersetuju dengan dasar-dasar Kerajaan yang dengan sengaja mewujudkan institusi seperti Institut Teknologi MARA (ITM), di mana lebih daripada 90% penuntutnya adalah dari kaum bumiputera sahaja dan juga mewujudkan bandar-bandar baru seperti Bandar Tun Hussein Onn di mana majoritinya adalah dari kaum bumiputera sahaja?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, perpaduan rakyat adalah satu bentuk yang kita tidak dapat sukati

dengan apa bentuk alat untuk menyukat bagaimana kita boleh tahu sampai tahap apa perpaduan yang kita ada.

Dari segi apa yang kita ada sekarang, melalui program-program Kerajaan dan melalui dasar-dasar Kerajaan dari segi pendidikan, buat masa ini saya fikir semua rakyat adalah dalam satu tahap perpaduan yang mendalam sekarang.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di negara Malaysia, agama adalah bebas walaupun agama rasmi ialah agama Islam; Bahasa Malaysia adalah bahasa rasmi walaupun percakapan dan bahasa lain digalakkan dipelajari. Jadi, dengan sendirinya penggalakan dan pembelajaran, adat resam dan kebudayaan berasingan telah juga digalakkan dan berlaku. Dalam keadaan yang begini, sejauh manakah pembelajaran berlainan bahasa, agama dan kebudayaan ini telah menjejaskan kesatuan ataupun perpaduan di antara rakyat? Kalau ya, apakah tindakan Kerajaan?

Yang kedua, apakah tindakan Kerajaan di dalam mengadakan perhubungan yang lebih rapat lagi di antara kaum terutama sekali di dalam bidang kebudayaan, umpamanya orang Melayu mempelajari kebudayaan Cina umpamanya dengan belajar tarian singa (lion dance), tarian naga (dragon dance) dan semua sekali. Ataupun orang Cina belajar pangkah gasing ataupun bermain apa sahaja benda yang orang Melayu main. Dari segi itu, apakah tindakan Kementerian dan sejauh manakah Kementerian telah bertindak supaya mana-mana ethnic group itu mempelajari culture atau kebudayaan kaum yang berlainan?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima

kasih kepada Yang Berhormat dari Batang Lepar. Untuk menjawab soalan pertama, iaitu perbezaan dari segi agama dan dari segi kebudayaan, apakah ianya menjejaskan perpaduan-jawapannya tidak. Oleh kerana kita mengadakan banyak aktiviti yang mana kita menggalakkan interaksi di antara kaum melalui kewujudan Rukun Tetangga di seluruh negara kita ada 1,300 kawasan Rukun Tetangga dan di mana itu memang ditubuhkan satu Jawatankuasa yang disertai oleh semua anggota berbilang kaum di sesuatu tempat.

Yang kedua, untuk mempelajari kebudayaan atau lain-lain di antara satu kaum dengan kaum yang lain, saya fikir ini kita menggalakkan di mana-mana tempat sama ada melalui sekolah atau melalui Jawatankuasa Rukun Tetangga.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak adakah rancangan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ini oleh sebab kewujudan sekolah-sekolah yang ada sekarang ini, iaitu Sekolah Melayu, Sekolah Tamil dan Sekolah Cina; tidak adakah rancangan Kementerian ini supaya dalam masa cuti sekolah kanak-kanak ini dikumpulkan di satu tempat supaya sebelum kita mewujudkan suatu keadaan di mana kanak-kanak yang berada di bawah satu bumbung, kita dapat mewujudkan kanak-kanak dalam masa cuti sekolah berada di satu tempat di mana mereka dapat bergaul, bermesra dan dapat memahami tentang perpaduan masyarakat?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, memang ada. Dari segi generasi yang muda, pada peringkat awal, kita sudah pun ada beberapa Tabika (Taman Asuhan Kanak-kanak atau

Taman Bimbingan Kanak-kanak) di beberapa kawasan Rukun Tetangga. Pada hari ini kita ada 785 buah Tabika di seluruh negara. Melalui itu kita pun ada memberi galakan kepada semua pelajar-pelajar berbilang kaum untuk berinteraksi di antara satu sama lain.

Ada dua program dikenakan; pertama ialah Titian Emas. Program Titian Emas anjuran MAS dengan kerjasama Jabatan kita di mana pelajar-pelajar di Tingkatan Empat di Sarawak atau di Sabah dibawa atau dianak angkatkan oleh keluarga-keluarga di Semenanjung dan sebaliknya, itu program untuk Tingkatan Empat. Kita pun ada menganjurkan program yang baru iaitu Serda Padu untuk pelajar Tingkatan Enam Rendah di mana semua pelajar-pelajar yang mencapai keputusan SPM yang baik dan aktif dalam kurikulum, mereka dipilih untuk bersama-sama melawat Ibu Kota Kuala Lumpur, serta mengikuti beberapa taklimat di semua Kementerian dan juga mengikuti sidang Parlimen untuk mendedahkan mereka kepada sistem demokrasi kita dan bagaimana negara kita diperintah. Saya fikir ini adalah tahun kedua kita buat, dan program ini telah berjalan dengan sungguh berjayanya.

BEKALAN ELEKTRIK DAN AIR LUAR BANDAR—PERUNTUKAN

5. Puan I im Lay Hoon minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:—

- (a) peruntukan yang telah diberi untuk membekal elektrik dan air kepada kawasan-kawasan luar bandar pada tahun 1991 dan 1992 dan berapakah sebenarnya kewangan yang telah dibelanjakan untuk pembekalan tersebut pada dua tahun itu; dan

- (b) adakah beliau sedar pelaksanaan projek-projek luar bandar menghadapi beberapa masalah berkaitan dengan masalah koordinasi di antara Jabatan-jabatan Kerajaan dan apakah tindakan yang akan diambil oleh beliau untuk menyelesaikan masalah koordinasi tersebut dan untuk menyelaraskan semua masalah berkaitan dengan memperolehi peruntukan yang lebih.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Dato' Mohamed bin Jamrah]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan;

- (a) Peruntukan yang telah diluluskan dan perbelanjaan yang telah dikeluarkan bagi projek-projek Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Projek Bekalan Air Luar Bandar bagi tahun 1991 dan 1992 adalah seperti berikut:

Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar

Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
1991	86.12 juta	56.14 juta
1992	86.13 juta	80.65 juta

Projek Bekalan Air Luar Bandar

Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
1991	124.0 juta	102.52 juta
1992	97.4 juta	74.93 juta

- (b) Kerajaan mendapati pelaksanaan projek-projek luar bandar secara keseluruhannya berjalan dengan baik dan memuaskan. Pelaksanaan Projek-projek tersebut diawasi oleh jentera penyelarasan di peringkat daerah dan di peringkat negeri. Dalam hubungan ini, masalah-masalah pelaksanaan antara Jabatan adalah teliti di peringkat tersebut bagi tindakan penyelesaian yang sewajarnya.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai angka-angka yang diumumkan tadi. Saya memerhatikan bahawa tidak kesemua peruntukan yang ditetapkan dibelanjakan oleh pihak Kementerian. Adakah ini bermakna bahawa jumlah yang tidak dibelanjakan itu akan di 'carried forward', dengan izin, ke tahun hadapan? '

Kalau tidak, bukankah ini merupakan satu pembaziran dalam erti kata bahawa rakyat yang dijanjikan untuk dibekalkan kemudahan seperti ini tidak akan menikmati kemudahan seperti berikut. Apakah sebabnya mengapa 'shortfall' ini berlaku?

Yang kedua, mengenai projek-projek luar bandar ini, bolehkah pihak Kementerian memberikan pecahan dari segi Semenanjung Malaysia dan juga Sabah dan Sarawak? Kerana saya rasa di sini, sungguhpun di Semenanjung Malaysia terdapat bekalan elektrik dan air yang masih tidak mencukupi dan memadai, tetapi keadaan adalah lebih teruk lagi di negeri-negeri Sarawak dan Sabah. Saya rasa ini merupakan satu daripada ketidakpuasan oleh penduduk-penduduk di negeri-negeri tersebut yang mengakibatkan kegagalan mencapai integrasi nasional. dari segi ini, adakah pihak Kementerian sedar mengenai perkara tersebut? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada beliau pernah pergi ke negeri Sabah dan Sarawak untuk meneliti perkara ini?

Dato' Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan shortfall yang ditanya oleh Yang Berhormat, bagi tahun 1991 misalnya, peruntukan yang sampai kepada Kementerian adakalanya lewat. Jadi untuk pelaksana-

annya kita terlewat sedikit untuk melaksanakan bekalan api dan elektrik.

Berkenaan dengan sama ada peruntukan itu akan di "carried forward" untuk tahun hadapan, selalunya kita mempunyai budget sendiri, maka kita akan melaksanakan mengikut budget yang diluluskan pada tahun yang berkenaan.

Berkenaan dengan pertanyaan jumlah peruntukan yang diuntukkan bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak, peruntukan Rancangan Malaysia Keenam bagi Semenanjung ialah RM203,680,000 bagi bekalan elektrik luar bandar; bagi Sarawak RM210 juta dan bagi Sabah RM210 juta juga. Bagi bekalan air di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Semenanjung Malaysia ialah RM360,650,000; bagi Sarawak RM79,300,00; dan bagi Sabah RM29.97 juta. Jadi, kalau kita lihat dari jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan untuk Rancangan Malaysia Keenam, Semenanjung Malaysia hanya RM203.68 juta sedangkan Sabah dan Sarawak masing-masing mendapat RM210 juta. Maknanya apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu tidaklah benar. Cuma pada hari ini terpaksa memberikan tumpuan lebih kepada Sabah dan Sarawak kerana mereka telah lama tertinggal. Tetapi dari segi peruntukannya, dalam Rancangan Malaysia Keenam mereka mendapat peruntukan yang lebih di dalam bekalan elektrik luar bandar.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar ucapan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan akan menumpukan perhatian kepada Sabah dan Sarawak. Ini kita ucapkan terima kasihlah. Tetapi soalan saya, apakah mekanisma untuk memastikan agar peruntukan-peruntukan yang diberi

kepada Sabah dan Sarawak akan digunakan untuk membangunkan bekalan elektrik dan air di luar bandar, bukan digunakan untuk di bandar. Kalau digunakan di Kuching, Bintulu, Miri dan Sibu umpamanya, ia tidak akan mendatangkan hasil, walaupun datang ke Sarawak juga. Persoalannya, ke luar bandar. Kerana peratusan bekalan elektrik dan air di luar bandar Sarawak adalah masih jauh lebih rendah.

Soalan yang kedua, mengenai perkara yang sama, apakah kawalan pasti yang dibuat oleh pihak Kerajaan Pusat supaya wang yang diberi oleh Kerajaan Pusat tidak digunakan untuk pejabat-pejabat membangun di kawasan urban area di Sarawak ataupun Sabah?

Dato' Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan mekanisma sama ada di bandar atau di luar bandar adalah serupa. Kita mempunyai Jabatan Kerajaan iaitu Pegawai Pembangunan Negeri yang juga diselarasakan oleh Kerajaan Pusat untuk memastikan bahawa segala pembangunan luar bandar dapat dilaksanakan seperti yang telah dirancang. Untuk memastikan projek-projek itu dilaksanakan di luar bandar, selalunya program-program untuk pelaksanaan projek luar bandar, kita mendapat persetujuan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri dan sekiranya Kerajaan Negeri memberikan tumpuan kepada luar bandar, maka peruntukan kepada projek yang telah dirancang oleh negerilah yang akan kita berikan keutamaan. Tetapi kalau negeri-negeri memberikan keutamaan (priority) kepada bandar-bandar, kerana mereka yang lebih mengetahui. Selalunya kita mendapatkan senarai-senarai pembangunan itu daripada negeri untuk mereka menyatakan priority dan kita mematuhi apa yang telah dipohon oleh

Kerajaan Negeri mengikut priority mereka.

PASUKAN TENTERA MALAYSIA DI BOSNIA-HERZEGOVINA— KELENGKAPAN

6. Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah pasukan tentera negara yang dihantar ke Bosnia-Herzegovina betul-betul disiap sediakan dengan persiapan yang cukup. Apakah ganjaran-ganjaran tambahan yang diberi kepada mereka.

15.11.93.

10. Tuan Abdul Mulok bin Awang Damit minta Menteri Pertahanan menyatakan, berapakah bilangan askar-askar Malaysia yang menyertai Pasukan Pengaman Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Bosnia dan Somalia serta apakah bentuk ganjaran yang mereka perolehi sebagai Pasukan Pengaman PBB; dan adakah Kementerian berpuashati tentang kebajikan mereka semasa bertugas dan kebajikan keluarga mereka yang ditinggalkan.

9.12.93.

10. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada anggota tentera yang dihantar bertugas di negara asing seperti di Somalia dan Bosnia-Herzegovina diberi perlindungan insurans khas setimpal dengan risiko yang mereka hadapi.

15.12.93.

3. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah tugas-tugas Malbuk (Pasukan Batalion Malaysia) di dalam misi pengamannya ke Bosnia-

Herzegovina dan berapakah jumlah anggota tentera yang terlibat di dalam operasi tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini saya pohon untuk dijawab bersama-sama dengan soalan-soalan daripada Yang Berhormat Abdol Mulok bin Awang Damit pada 15.11.1993, Yang Berhormat Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad pada 9.12.1993 dan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang pada 15.12.1993.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Baiklah.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, semua tentera Malaysia seramai 219 orang yang berkhidmat di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai Pasukan Pengaman sememangnya dipersiapkan dengan peralatan dan persenjataan selengkapnya dan bersiap sedia untuk menghadapi sebarang ancaman.

Mereka diberi latihan yang secukupnya sesuai dengan tugas yang akan dilaksanakan. Mereka juga dilengkapi dengan baju kalis peluru bagi mempertahankan diri dari tembakan senjata kecil.

Pasukan Tentera Malaysia yang berkhidmat di Bosnia-Herzegovina hanyalah sebagai Pasukan Pengaman, bukannya untuk berperang dengan mana-mana pihak. Tentera Malaysia yang berkhidmat di bawah misi PBB di Bosnia-Herzegovina tidak diberi ganjaran tambahan dan ganjaran-ganjaran yang diterima adalah sama dengan apa yang diperolehi oleh anggota Tentera

Malaysia yang berkhidmat di Kemboja dan Somalia.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Soalan tambahan. Apakah tugas dan peranan yang ditentukan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu kepada tentera-tentera kita dalam operasinya di Bosnia-Herzegovina?

Yang kedua, apakah persediaan yang diberi kepada tentera kita jika menghadapi kemungkinan lebih daripada yang dijangkakan?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tugas-tugas yang diberikan oleh PBB kepada pasukan kita ini adalah tertakluk di bawah pemerintahan pasukan yang bertugas di sana iaitu seperti menjaga keselamatan dan juga membahagikan kedua-dua belah pihak yang sedang berperang itu dan mengiringi ataupun memastikan bekalan-bekalan, bahan-bahan makanan yang hendak dihantar oleh PBB itu sampai kepada matlamatnya. Itu tugas yang utama. Selain daripada itu, tugas-tugas umum yang berkaitan untuk menyuraikan perbalahan-perbalahan di sesuatu tempat pasukan kita itu dipertugaskan.

Yang kedua, mengenai persiapan dan persediaan ini. Yang sebenarnya kita menyediakan pasukan kita ini di atas semua kemungkinan. Begitu juga peralatan-peralatan persenjataan dan juga peluru adalah boleh mengatasi ancaman-ancaman yang dikirakan patut dan sesuai dengan tugas yang dijalankan oleh pasukan ini. Latihan-latihan yang secukupnya dan penyesuaian keadaan juga dibuat terutamanya di negara-negara jiran yang berhampiran dengan Bosnia yang mempunyai keadaan iklim dan juga rupa bumi yang hampir-hampir sama, iaitu latihan yang sangat intensif.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan Bangsa-Bangsa Bersatu sekarang dipimpin oleh Boutros Ghali di mana beliau ini daripada Kristian Orthodox Mesir yang memang terkenal perselisihan dengan Islam dan Ketua-ketua Tentera PBB kebanyakannya adalah orang-orang Kristian Barat, apakah tentera Malaysia ini strictly 100% di bawah penguasaan PBB sehingga emosi tentera-tentera Malaysia yang beragama Islam itu tidak boleh keluar daripada "line" Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menolong seagama mereka yang disiksa sekarang. Andai kata tentera Malaysia bertindak di luar daripada pengawalan PBB, apakah Kerajaan Malaysia juga akan menghukum tentera Malaysia yang keluar daripada garis panduan PBB?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pasukan kita bertugas di mana-mana juga di bawah misi PBB ini dengan jelasnya adalah mengikut "line" pemerintahan yang diadakan dari semasa ke semasa. Oleh itu, kita dengan secara jujur akan mengikut apa juga pemerintahan yang ada, sebab ini yang telah ditugaskan ataupun ditetapkan oleh mana-mana pasukan. Jadi kita bertugas secara profesional yang mana tidak akan mengikut emosi. Jadi walau bagaimanapun, dari semasa ke semasa kita memerhatikan supaya yang penting ialah keselamatan anggota kita itu terjamin.

Tentang soalan yang kedua daripada Yang Berhormat, iaitu tentang andaian. Andaian ini, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menjawab dalam Dewan ini. Itu adalah soalan yang tidak boleh dijawab.

Lt. Kol. (B) Ibrahim bin Sareh: Tuan Yang di-Pertua, daripada berita

yang saya baca, pada ketika ini pasukan MALBATT di Bosnia-Herzegovina adalah menjalankan tugas di bawah kawal seliaan pasukan UNPROFOR yang ada di sana. Saya ingin tahu bilakah sebenarnya pasukan MALBATT Malaysia akan beroperasi secara bersendirian (independent) dan di manakah kawasan yang akan dipertanggungjawabkan kepada battalion daripada Malaysia?

Soalan kedua, selain daripada pasukan infantry yang bertugas di Bosnia, apakah pasukan-pasukan tempur yang lain yang menyertai pasukan Malaysia di Bosnia?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat tersebut, pada masa ini ataupun pada masa-masa yang akan datang, segala pemerintahan tertakluk kepada pemerintahan di bawah misi PBB. Jadi, tentang bila masa kita boleh beroperasi secara iaitu di bawah pemerintahan kita sendiri, yang ini akan ditentukan dari masa ke semasa, tertakluk kepada apa yang ditetapkan oleh pemerintahan misi PBB. Kita tidak boleh membuat keputusan bersendirian dalam hal ini.

Yang kedua, pada masa ini adalah pasukan infantry sahaja yang berada dalam pasukan misi PBB kita di Bosnia.

BEKALAN ELEKTRIK DI SABAH —KOS PENJANAAN

7. Tuan Philip Yong Chiew Lip minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah justifikasi maka kadar tarif bagi bekalan tenaga elektrik di Sabah sukar diturunkan sedangkan tarif bagi kemudahan ini sudah pun diturunkan bagi negeri Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan yang mana kos pengeluaran bagi tenaga ini adalah hampir sama dengan Sabah.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya kadar tarif di negeri Sabah agak tinggi berbanding dengan Semenanjung Malaysia disebabkan kos pengeluaran kuasa seunit yang tinggi di negeri Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos pengeluaran seunit adalah terdiri daripada tiga kos komponen iaitu kos penjanaan, kos penghantaran dan kos pengagihan.

Kos penjanaan di Sabah adalah tinggi kerana majoriti stesen-stesen Lembaga Letrik Sabah masih lagi bergantung kepada bahan bakar disel untuk menjana kuasa. Kos penjanaan bagi stesen-stesen yang disambung kepada grid Pantai Barat ialah 16 sen sekilowatt jam berbanding dengan anggaran kos penjanaan TNB di Semenanjung yang hanya 9 sen sekilowatt jam. Di samping itu, kedudukan penduduk yang bertaburan luas di Sabah dan tidak adanya sistem grid yang menyambungkan semua kawasan ini memaksa LLS menggunakan janakuasa kecil. Kos operasi janakuasa ini adalah jauh lebih tinggi daripada kos yang disambungkan kepada grid Pantai Barat seperti berikut:

<i>Stesen</i>	<i>Kos (Sen/KWJ)</i>	<i>Harga Jualan (Sen/KWJ)</i>
Grid Pantai Barat	20.56	25.04
Stesen Utama	25.78	25.63
Stesen Kecil	40.31	25.46
Stesen Luar Bandar	64.13	25.26

Selain daripada itu, kos pengendalian LLS adalah tinggi disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) LLS terpaksa menampung perbelanjaan penghantaran dan

pengagihan tinggi bagi grid Pantai Barat. (Kos purata telah meningkat dari 5.3 sen seunit kepada 7.7 sen seunit dalam tahun 1991. Ini disebabkan kos sambungtara Labuan Beaufort yang dimulatugaskan pada Mac 1990). Kos pembahagian yang tinggi iaitu 9.8 sen seunit di stesen-stesen kecil adalah disebabkan oleh bilangan pengguna yang kecil dan bertaburan.

- (ii) LLS mengendalikan 33 buah stesen luar bandar. Kos pembangunannya dibiayai secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan manakala kos operasinya ditanggung oleh LLS. Kos operasi untuk mengendalikan stesen-stesen ini adalah tinggi. Sejak mula dilaksanakan pada tahun 1984 sehingga kini, stesen-stesen ini sentiasa membawa kerugian kepada LLS. Sungguhpun bilangan pengguna stesen luar bandar hanya 10% daripada jumlah pengguna LLS, kerugian stesen luar bandar merupakan 20% daripada kerugian keseluruhan pada tahun 1991.

- (iii) Perbelanjaan kewangan LLS tinggi kerana baki pinjamannya yang mempunyai kadar faedah yang tinggi. Hasil yang diperolehi tidak dapat menampung perbelanjaan kewangan LLS sepenuhnya.

Walaupun purata keseluruhannya akan menunjukkan sedikit keuntungan, namun apabila kos kewangan diambilkira operasi stesen-stesen, penurunan kadar tarif di Sabah pada masa ini sukar dilaksanakan oleh Lembaga Letrik Sabah disebabkan oleh perkara di atas. Ianya mungkin boleh dipertimbangkan setelah lebih banyak

projek penjanakuasa yang berasaskan hidro dan gas dilaksanakan dan apabila semua stesen-stesen utama di negeri Sabah ini termasuk dalam satu rangkaian grid.

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Speaker, sebenarnya rakyat Sabah memang sedar mengapa tarif bekalan tenaga elektrik di Sabah tinggi. Bagaimanapun, di sini saya ingin bertanya sama ada Kerajaan sedar bahawa pada hakikatnya rakyat Sabah bila menyerahkan Lembaga Letrik Sabah kepada Kerajaan Persekutuan ialah dengan harapan untuk menikmati kadar tarif bekalan tenaga elektrik yang rendah dan pada masa itu di pihak Kerajaan Pusat di dalam proses pengambilalihan daripada penyerahan tersebut sudah pun memberi pengakuan yang positif, tetapi nampak ternyata sehingga sekarang ini ianya hanya tinggal harapan begitu sahaja. Jadi, di sini saya tidak ingin tahu kenapa ianya masih lebih tinggi kerana kita sedari, sepertimana yang selalu diterangkan sama ada di akhbar dan juga di Dewan yang mulia ini. Tetapi apakah tindakan positif Kerajaan untuk memenuhi harapan rakyat yang sudah sekian lama itu dalam jangka masa yang pendek?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, manusia mesti ada harapan. [*Ketawa*] Saya percaya rakyat jelata di negeri Sabah bernasib baik. Kita bertanggungjawab, oleh kerana itu juga kita belanja lebih RM2 bilion. Jikalau stesen janakuasa adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri Sabah hari ini, saya percaya negeri Sabah sudah bankrap sekarang. Kita berjanji.....

Tuan Maidom P. Pansai: Penjelasan!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya belum habis lagi jawapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sambungkan.

Tuan Maidom P. Pansai: Penjelasan!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Penjelasan, nanti sekejaplah. Tunggu sehingga saya duduk dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, beri dia peluang menjawab.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kita telah membelanjakan berjuta-juta ringgit. Jadi, Kerajaan Pusat baru-baru ini sahaja belanja dan memberi geran berjumlah RM66 juta pada tiap-tiap tahun. Mula tahun ini sahaja, RM120 juta. Semuanya daripada Persekutuan, bukan dari mana-mana pihak. Saya minta Ahli Yang Berhormat jelaskanlah sedikit kepada rakyat di negeri Sabah iaitu beberapa rancangan sedang dijalankan untuk memperbaiki keadaan. Bukannya Kerajaan Persekutuan tidak mengambil kira kesusahan rakyat jelata di negeri Sabah.

Saya sendiri pun susah hati juga apabila kita nampak perkara ini menjadi lebih serius oleh kerana permintaan yang tinggi tetapi tidak ada bahan bakar untuk mengadakan elektrik dengan kos yang rendah. Saya percaya tidak lama lagi apabila kita melaksanakan satu projek penswastan di Melewar berharga lebih daripada RM350 juta, ia akan memberi janakuasa lebih daripada 100 megawatt. Baru itu saya percaya harapan rakyat dari negeri Sabah mesti diselesaikan.

Tuan Maidom P. Pansai: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya,

Yang Berhormat sudahpun mengumumkan soalan.

Tuan Maidom P. Pansai: Yang Berhormat Menteri mengatakan kalau LLS masih ada dengan Kerajaan Negeri Sabah, kini Kerajaan Negeri Sabah sudah bankrap. Adakah itu menandakan satu kesesalan terhadap Kerajaan Pusat untuk mengambil alih? Kalau merasa kesal, tidakkah ianya boleh dirunding supaya dikembalikan kepada negeri Sabah? Jangan menyesal sampai begitu selamalamanya!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Ahli Yang Berhormat tidak faham apa yang saya kata. Beban kos adalah tinggi—RM2 bilion. Bolehkah Kerajaan Negeri Sabah membayar RM2 bilion untuk rakyat jelata? Bolehkan? Saya cabar.

Tuan Maidom P. Pansai: Jangan jawab bilang Kerajaan Negeri Sabah sudah bankrap. Kasi balik!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Kasi balik siapa?

Seorang Ahli: Kerajaanlah!

Tuan Maidom P. Pansai: Jangan sikit-sikit kata kekesalan atau kebankrapan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Okaylah. Saya sabar dengan Ahli Yang Berhormat. Bayar balik RM2 bilion, ambil balik. Berani?

Tuan Maidom P. Pansai: Saya tidak ada wang di sini untuk membayar.....

Dato' Seri S. Samy Vellu: Beranikah? You berani?

Tuan Maidom P. Pansai:tetapi boleh buat resolusi di sini.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Cakap besar sahaja!

Tuan Maidom P. Pansai: Saya tidak cakap besar, kita sama-sama
[*Pembesar suara dimatikan*]

Dato' Seri S. Samy Vellu: Cakap besar sahaja! Bayar baliklah! [*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: RM200,000 juta boleh bayar balik?
[*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Seri S. Samy Vellu:Bohong punya orang! [*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Tuan Maidom P. Pansai: Jikalau sembarang cakap bohong di dalam Dewan ini, tidak..... [*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Belud, cukuplah.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Yang Berhormat cakap tak boleh erti
[*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Maidom P. Pansai: [*Menyampuk*]

Dato' Seri S. Samy Vellu: [*Bangun*]

Tuan Sim Kwang Yang: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Menteri, Bandar Kuching bangun. Yang Berhormat, ya Bandar Kuching. Sila Bandar Kuching.

Dato' Seri S. Samy Vellu: [*Menyampuk*][*Pembesar suara masih dimatikan*]

Tuan Maidom P. Pansai: [*Menyampuk*][*Pembesar suara masih dimatikan*]

Tuan Sim Kwang Yang: Dia belum bersedia, Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*]
Dia masih marah. [*Ketawa*]

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana seorang Menteri boleh berlagak semacam ini! [*Disorak*]
Ada ramai murid-murid sekolah di sini. [*Disorak*]

Dato' Seri S. Samy Vellu:
boy.....bising....You sandiwara tiap-tiap hari di dalam Dewan ini, kita sudah tahukah!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Dato' Menteri, minta bandar Kuching mengemukakan soalan.

Tuan Lim Guan Eng: [*Menyampuk*]
[*Pembesar suara masih dimatikan*]

Dato' S. Samy Vellu: [*Menyampuk*]
[*Pembesar suara masih dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Kota Melaka. Yang Berhormat... Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: [*Menyampuk*]
[*Pembesar suara masih dimatikan*]

Dato' Seri S. Samy Vellu: [*Menyampuk*]
[*Pembesar suara masih dimatikan*]

Tuan Lim Guan Eng: [*Menyampuk*]
[*Pembesar suara masih dimatikan*]

Dato' Seri S. Samy Vellu: [*Menyampuk*]
[*Pembesar suara masih dimatikan*]

Tuan Sim Kwang Yang: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila, sila.

Dato' Seri S. Samy Vellu: [*Menyampuk*]
[*Pembesar suara masih dimatikan*]

Tuan Lim Guan Eng: [*Menyampuk*]
[*Pembesar suara masih dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Kota Melaka. [*Disampuk*]
Yang Berhormat Kota Melaka. [*Disampuk*]
Yang Berhormat Dato'. [*Disampuk*]
Bandar Kuching minta soalan. [*Disampuk*]
Kota Melaka! [*Disampuk*]
Ahli-Ahli Yang Berhormat, soalan seterusnya Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit. [*Disampuk*]
Yang Berhormat Menteri, sudah selesai. [*Disampuk*]
Sila, Yang Berhormat. [*Disampuk*]

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat Dato' Menteri, Yang Berhormat Kota Melaka. [*Disampuk*] Yang Berhormat. [*Disampuk*]

Tuan Lim Guan Eng: [*Menyampuk*] [*Pembesar suara masih dimatikan*]

Dato' Seri S. Samy Vellu: [*Menyampuk*] [*Pembesar suara masih dimatikan*]

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan No.7.

Tuan Lim Guan Eng: [*Menyampuk*] [*Pembesar suara masih dimatikan*]

Dato' Seri S. Samy Vellu: [*Menyampuk*] [*Pembesar suara masih dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila jawab. [*Disampuk*] Soalan No. 8, soalan No. 8 Yang Berhormat yang bertanggungjawab, soalan No. 8, sila jawab.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 7-No. 8. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: No. 8. [*Ketawa*]

PENGGUGURAN KANDUNGAN SECARA HARAM DI KLINIK SWASTA—TINDAKAN

8. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) Kegiatan pengguguran kandungan secara haram yang kebanyakannya dilakukan oleh pasangan yang belum berkahwin kian ketara di

sekitar Wilayah Persekutuan. Senaraikan nama 7 klinik swasta yang dikatakan terlibat dalam aktiviti ini; dan

- (b) apakah tindakan Kementerian terhadap klinik-klinik ini.

Menteri Kesihatan [Dato' Lee Kim Sai]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kesihatan dan Majllis Perubatan Malaysia tidak mempunyai maklumat atau menerima aduan rasmi mengenai 7 klinik swasta yang dikatakan melakukan pengguguran kandungan secara haram ini.

- (b) Memandangkan demikian, tiada tindakan dapat diambil ke atas mana-mana pihak.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Menteri Kesihatan, selain daripada klinik-klinik di Wilayah Persekutuan, adakah Kerajaan juga mengenalpasti klinik-klinik swasta di luar daripada Wilayah Persekutuan termasuk di negeri-negeri yang menjalankan aktiviti pengguguran kandungan secara haram. Di samping itu juga, adakah pihak Kementerian sedar bahawa bidan-bidan swasta atau bidan-bidan kampung juga menjalankan aktiviti-aktiviti pengguguran secara haram ini? Sejauhmanakah tindakan Kerajaan untuk membanteras dan mengesan aktiviti-aktiviti ini kerana kebelakangan ini banyak sangat anak-anak yang terbuang disebabkan oleh kurangnya tindakan pihak Kerajaan membendung perkara-perkara seperti ini. Sekian.

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang

mulia ini, mengikut seksyen 312 (Kesihatan), sesiapa dengan sengaja menyebabkan seseorang perempuan pregnant gugur hendaklah didenda dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai 3 tahun. Kalau kandungan anak itu sudah bersifat, didenda sehingga sampai 7 tahun. Ini bermaknanya sudah ada undang-undang yang ketat untuk mencegah pengguguran secara haram. Yang Berhormat ada mengatakan mengenai bidan-bidan berkenaan yang menjalankan pengguguran seperti yang dikatakan di 7 buah klinik swasta di Wilayah Persekutuan itu, Kementerian tidak mempunyai maklumat yang berkenaan. Sekiranya ada maklumat itu dilaporkan, Kementerian akan menjalankan satu siasatan, dan satu laporan akan dibuat kepada pihak polis kerana pengguguran secara haram itu, tindakan atau perbuatan itu, merupakan satu kes atau perbuatan jenayah. Maka tindakan Polis hendaklah diambil untuk siasatan. Tindakan untuk mencegah lebih banyak anak-anak yang dicampak ataupun abandon children, dengan izin, itu rasa saya tidak banyak hubungan (connection) secara terus dengan pengguguran anak secara haram.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah Kerajaan bercadang menggubal undang-undang untuk mengenakan hukuman berat ke atas doktor-doktor yang terlibat di dalam kegiatan pengguguran kandungan secara haram? Jika tidak, apakah sebabnya?

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, bukan kita tidak mempunyai undang-undang yang ketat. Seperti yang saya sebutkan tadi, mengikut Kanun Keseksaan yang merupakan satu undang-undang ketat, ada denda dengan penjara

sehingga sampai 7 tahun. Jadi, nampaknya kerana tidak ada doktor-doktor atau pengamal perubatan yang telah dipenjarakan, itu bukan kerana tidak ada undang-undang tetapi kerana tiada laporan. Jadi, minta kerjasama daripada orang ramai, khususnya daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat, kalau didapati pengguguran haram dijalankan oleh sesiapa, khususnya oleh doktor-doktor yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMA). Jadi sehingga dapat satu bukti yang jelas barulah doktor yang berkenaan boleh dihukum oleh mahkamah, kemudian tindakan susulan akan diambil supaya doktor yang berkenaan itu dilucutkan daripada pendaftaran. Ini adalah untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh. [*Soalan No. 9—Y.B. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh tidak hadir*]

CUKAI PINTU DIKUTIP OLEH DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR—JUMLAH

10. Tuan Liew Ah Kim minta Perdana Menteri menyatakan jumlah 'cukai pintu' yang dikutip oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) setiap tahun sejak Januari 1990 hingga September 1993, mengikut kawasan Parlimen berikut:

1. Seputeh
2. Sungai Besi
3. Kepong
4. Bukit Bintang
5. Titiwangsa
6. Lembah Pantai
7. Batu

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah cukai pintu yang dikutip oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) setiap tahun sejak Januari 1990 hingga September 1993 mengikut kawasan Parlimen adalah seperti berikut:

Tahun 1990

<i>Kawasan Parlimen</i>	<i>Jumlah Kutipan</i>
1. Bukit Bintang	RM55,935,431.89
2. Seputeh	RM20,396,707.87
3. Batu	RM14,138,876.18
4. Lembah Pantai	RM21,121,995.26
5. Kepong	RM9,086,022.25
6. Sungai Besi	RM18,873,937.36
7. Titiwangsa	RM15,631,463.93
Jumlah	<u>RM155,184,434.74</u>

TAHUN 1991

<i>Kawasan Parlimen</i>	<i>Jumlah Kutipan</i>
1. Bukit Bintang	RM59,629,559.14
2. Seputeh	RM21,234,126.14
3. Batu	RM14,998,104.59
4. Lembah Pantai	RM21,956,321.48
5. Kepong	RM10,481,693.61
6. Sungai Besi	RM20,083,518.43
7. Titiwangsa	RM16,293,378.83
Jumlah	<u>RM164,676,702.22</u>

TAHUN 1992

<i>Kawasan Parlimen</i>	<i>Jumlah Kutipan</i>
1. Bukit Bintang	RM103,221,568.89
2. Seputeh	RM33,545,960.86
3. Batu	RM17,319,628.69
4. Lembah Pantai	RM39,648,314.88
5. Kepong	RM17,460,601.83
6. Sungai Besi	RM27,594,514.76
7. Titiwangsa	RM28,310,692.98
Jumlah	<u>RM267,601,282.89</u>

Tuan Liew Ah Kim: Bolehkah saya hendak membuat soalan tambahan?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah habis Yang Berhormat [Ketawa]. Beri dia (Yang Berhormat Timbalan Menteri) menjawab kerana masa hampir habis. Yang Berhormat minta butiran, dia akan beri.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Dan terakhir Tuan Yang di-Pertua:

TAHUN 1993

<i>Kawasan Parlimen</i>	<i>Jumlah Kutipan</i>
1. Bukit Bintang	RM96,950,810.12
2. Seputeh	RM36,866,929.57
3. Batu	RM17,489,549.66
4. Lembah Pantai	RM36,034,533.32
5. Kepong	RM16,063,092.34
6. Sungai Besi	RM25,020,263.65

7. Titiwangsa	RM26,233,131.48
	<hr/>
Jumlah	RM254,658,310.14
	<hr/>

Sempat Yang Berhormat catit? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Terima kasih, Yang Berhormat. Masa untuk soal Jawab Mulut sudah cukup. [Ketawa]

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 9 dan No.11 hingga 25 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1994

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1994

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Rang Undang-undang Perbekalan 1994 dibacakan kali yang kedua sekarang " dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM13,850,004,080 (Ringgit Malaysia tiga belas bilion, lapan ratus lima puluh juta, empat ribu dan

lapan puluh) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1994 dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1994 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31 tahun 1993, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut."

[29hb. Oktober, 1993]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1994 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang, kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Tanjong.

3.37 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang tidak ada di sini nampaknya mungkin terlalu sibuk hal yang lain, hal yang tidak patut sibuk kerana berjaya menang tanpa bertanding sebagai Timbalan Presiden UMNO dan perlantikan sebagai bakal Timbalan Perdana Menteri. [Tepuk]

Sebenarnya, apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan 1994 di Dewan Rakyat pada hari Jumaat lalu, beliau sudah berucap seolah-olah beliau adalah Timbalan Perdana Menteri, [*Boo!*] sehingga menyimpang daripada teks ucapan Belanjawan beliau, lalu membuat bidasan yang tidak wajar ke atas pihak Pembangkang.

Yang Berhormat Menteri Kewangan mengetahui bahawa beliau ketika itu sedang dalam siaran secara langsung televisyen dan beliau mungkin hendak menarik hati perwakilan UMNO yang akan menghadiri Perhimpunan Agung UMNO lewat minggu ini. Tetapi saya ingin memberi notis terdahulu kepada beliau, bahawa pada masa hadapan jika beliau ingin melamar kesusilaan (*courtesy*) Parlimen dan membuat serangan yang tidak wajar ke atas Pembangkang apabila beliau sedang berada dalam siaran secara langsung, beliau akan menerima balasan daripada Pembangkang secara langsung di televisyen [*Tepuk*]. Itulah advance notice, *courtesy* pihak Pembangkang. [*Ketawa*]

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah membentangkan satu Belanjawan pilihanraya untuk 1994 yang menunjukkan pilihanraya mungkin akan diadakan pada pertengahan tahun hadapan.

Sebuah akhbar telah menyifatkan Belanjawan 1994 sebagai dengan izin, "Budget from the heart", tetapi Yang Berhormat Menteri Kewangan kelihatan lebih mempunyai hati untuk syarikat-syarikat daripada untuk rakyat jelata Malaysia. Ini dapat dilihat daripada hakikat bahawa walaupun 60,000 rakyat telah pun dibatalkan sebagai pembayar cukai akibat kenaikan dalam rebet yang dinikmati oleh seseorang individu, di

mana pendapatan bercukainya adalah RM10,000 dan ke bawah daripada RM60 kepada RM90 untuk pembayar cukai dan daripada RM30 kepada RM50 untuk isterinya. Ini adalah satu penjimatan yang remeh berbanding dengan penjimatan yang terakru untuk syarikat-syarikat dalam penurunan cukai korporat. Penjimatan untuk 60,000 rakyat yang dibatalkan sebagai pembayar cukai akibat kenaikan rebet hanyalah berjumlah RM14 juta, sementara syarikat-syarikat dan menjimat RM472 juta akibat penurunan 2% dalam cukai pendapatan syarikat daripada 34% kepada 32% yang akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1994.

Syarikat minyak akan menjimat RM330 juta akibat penurunan 5% dalam cukai petroleum daripada 45% kepada 40% memberikan syarikat dan syarikat minyak 'durian runtuh' sejumlah RM802 juta dalam Belanjawan 1994 berbanding dengan RM14 juta, begitu remeh kepada 60,000 rakyat yang dibatalkan daripada golongan pembayar cukai pendapatan.

Selain daripada itu, cukai pendapatan syarikat akan diturunkan 2% kepada 30% pada 1995 yang membabitkan lagi penjimatan antara RM400-RM500 juta untuk syarikat-syarikat sementara tidak ada janji bagi penurunan atau pelepasan cukai pendapatan untuk pembayar cukai yang biasa.

Adalah tidak adil membenarkan perbezaan di antara kadar cukai pendapatan korporat dan orang perseorangan diperluaskan. Saya menggesa Yang Berhormat Menteri Kewangan memberi jaminan kepada Parlimen bahawa selaras dengan janji beliau menurunkan cukai pendapatan syarikat sebanyak 2% lagi pada tahun 1995, Kerajaan juga memberi jaminan akan menjalankan satu kajian yang besar ke

atas Undang-undang Cukai Pendapatan untuk individu dalam Budget 1995 supaya dapat mengumumkan nanti satu potongan dan pelepasan cukai yang besar untuk mereka yang berada dalam golongan berpendapatan rendah. Ini menunjukkan Yang Berhormat Menteri mempunyai hati untuk rakyat jelata.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mencadangkan penurunan pelepasan cukai untuk anak yang belajar di luar negeri yang pada masa sekarang adalah empat kali ganda pelepasan cukai biasa atau RM3,200. Yang Berhormat Menteri mengumumkan bahawa untuk menggalakkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke institusi pengajian tinggi tempatan dan mengurangkan pengaliran pertukaran asing, pelepasan untuk anak yang mengikut pengajian tinggi di luar negeri akan dikurangkan daripada empat kali ganda kepada dua kali ganda pelepasan yang biasa, iaitu daripada RM3,200 kepada RM1,600, sementara anak yang mengikuti pendidikan tinggi tempatan akan diberi pelepasan sebanyak empat kali ganda pelepasan biasa.

Yang Berhormat Menteri Kewangan, yang juga bekas Menteri Pendidikan, harus mengetahui bahawa jumlah bilangan pelajar-pelajar Malaysia yang besar di luar negeri bukan kerana rakyat Malaysia amat gemar untuk mengikut pengajian tinggi di luar negeri apabila mereka mempunyai pilihan untuk belajar di dalam negeri, tetapi kerana had tempat belajar yang begitu nyata di dalam institusi pengajian tinggi tempatan. Saya pasti bahawa jika terdapat tempat yang mencukupi di dalam negeri, kebanyakan ibu bapa tentu mahukan anak mereka menuntut di dalam negeri.

Selama lebih daripada dua dekad ibu bapa Malaysia telah mendapati perun-

tukan pendidikan tinggi untuk anak mereka merupakan beban yang paling berat, dan adalah biasa untuk ibu bapa menjualkan apa sahaja harta mereka semata-mata untuk memberikan anak mereka pendidikan tinggi. Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Kerajaan mahukan Malaysia menjadi pusat pengajian tinggi untuk Asia Tenggara, dan mengeksploitkan kepakaran dan kemahiran dalam pendidikan tinggi yang bermutu, kita masih jauh daripada mempunyai kemampuan di mana kita dapat menjadikan kemahuan tersebut kepada kenyataan.

Sebagai langkah pertama, Malaysia mesti berhenti menjadi pengimport utama pendidikan tinggi dan kebanyakan rakyat Malaysia yang ingin melanjutkan pelajaran tinggi mestilah dapat melakukan demikian di universiti atau pusat pengajian tinggi di dalam negeri. Adalah mustahil mengatakan tentang Malaysia menjadi pengeksport peluang pendidikan tinggi apabila pada masa sekarang Malaysia masih menjadi pengeksport pendidikan tinggi yang utama kerana kira-kira separuh daripada penuntut Malaysia yang mengikuti pendidikan tinggi adalah luar negeri—sejumlah 60,000 hingga 70,000—mengakibatkan kerugian pertukaran asing sebanyak RM3 bilion setiap tahun.

Dalam masa 20 tahun yang lalu, DAP sentiasa mendesak Kerajaan menerima satu dasar pendidikan yang liberal dan merangsangkan di mana majoriti besar rakyat Malaysia dapat memperoleh peluang pendidikan tinggi di dalam negeri. Jika Kerajaan Barisan Nasional telah menerima cadangan DAP pada tahun 70an dan 80an, Malaysia hari ini sudah menjadi pusat pendidikan tinggi di Asia Tenggara dan akan menjadi pengeksport bersih (nett exporter)

kepakaran dan kemahiran pendidikan tinggi. Walau bagaimanapun, lewat lebih baik daripada tidak. Tetapi sebelum Malaysia mempunyai tempat pendidikan tinggi yang mencukupi untuk semua pelajar kita, adalah tidak adil untuk Belanjawan 1994 mengurangkan pelepasan cukai untuk anak yang belajar di luar negeri sebanyak separuh.

Memandangkan kenaikan kos pendidikan tinggi di luar negeri dan kepentingan strategik pembangunan sumber manusia untuk masa hadapan Malaysia, sebenarnya terdapat alasan yang kukuh untuk menaikkan pelepasan anak tersebut sehingga Malaysia dapat menawarkan peluang pendidikan tinggi yang mencukupi di dalam negeri untuk anak-anak kita sendiri. Walaupun kami bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri bahawa kita harus menggalakkan ibu bapa menghantar anak mereka ke institusi pengajian tinggi tempatan dan mengurangkan pengaliran keluar pertukaran asing, kami berpendapat seharusnya tidak ada pengurangan pelepasan untuk anak melainkan sehingga terdapat pertambahan peluang pendidikan tinggi yang sepadan untuk memenuhi keperluan negara. Namun demikian, DAP menggesa Yang Berhormat Menteri untuk 'shelve' cadangan beliau mengurangkan pelepasan cukai untuk anak yang mengikuti pendidikan tinggi di luar negeri sebanyak separuh iaitu daripada RM3,200 kepada RM1,600 kerana ini akan bererti ia menghukum ibu bapa Malaysia atas kegagalan Dasar Pendidikan Tinggi dan perancangan Kerajaan sendiri. Sebaliknya, Kerajaan harus memperuntukkan pelepasan cukai sebanyak 6 kali ganda pelepasan biasa iaitu RM4,800 untuk seorang anak yang mengikuti pendidikan tinggi di dalam negeri. Sebenarnya, sama ada RM3,200 atau RM4,800 ianya nyata adalah tidak

mencukupi untuk menampung beban berat yang ditanggung oleh ibu bapa untuk pendidikan tinggi anak mereka sama ada di dalam atau di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Malaysia satu lagi tahun yang baik dengan mencatatkan pertumbuhan ekonomi 8% hingga 9% untuk 6 tahun berturut-turut. Saya memuji Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana membentangkan satu belanjawan yang seimbang dan intisari Budget 1994 di atas satu program RM1.4 bilion untuk melaksanakan perumahan kos rendah khususnya, kerana ini adalah satu kegagalan dasar yang paling besar bagi Barisan Nasional dalam dua dekad yang lalu.

Walaupun bagaimanapun, sebelum saya membincangkan masalah perumahan kos rendah dan lain-lain aspek Budget 1994, saya mesti menyampaikan kehampaan saya bahawa bakal Perdana Menteri yang menyertai politik UMNO dari ABIM dengan reputasi sebagai wira menentang rasuah, penyalahgunaan kuasa, pencabulan demokrasi dan hak-hak asasi manusia telah sama ada mengkhianati semua idealisme-idealisme ini ataupun hanya beromong-omong sahaja.

Adalah amat bermakna sekali bahawa ini adalah kali pertama semenjak beliau menjadi Menteri Kewangan pada tahun 1991, bahawa beliau telah dengan spesifik merujuk kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR), menekankan bahawa BPR akan diberi peruntukan RM28.6 juta kerana reformasi pentadbiran Kerajaan adalah bertujuan untuk mempertingkatkan kecekapan, menghindar pembaziran dan memerangi rasuah. Apa yang lebih bermakna iaitu beliau mengumumkan bahawa sebagai organisasi yang bertanggungjawab, BPR tidak akan

bertindak dengan sesuka hati akan bertindak tegas dalam lingkungan undang-undang dan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan yang tegas terhadap sebarang amalan rasuah. Mengapa harus Yang Berhormat Menteri Kewangan kali ini dalam ucapan Budget beliau merujuk secara spesifik kepada BPR? Jawabannya nyata sekali. Ia bukan kerana beliau telah tiba-tiba menjadi prihatin terhadap amalan rasuah yang berleluasa di peringkat tinggi dalam politik, tetapi kerana beliau sedar bahawa tindakan, pendirian, association beliau baru-baru ini dan Kerajaan kebelakangan ini telah menimbulkan keraguan yang meluas di kalangan rakyat tentang beliau dalam perang terhadap rasuah, penyalahgunaan kuasa, amalan tidak beretika, pencabulan demokrasi dan hak-hak asasi manusia.

Saya percaya Yang Berhormat Menteri Kewangan pun tahu bahawa perkara ini akan ditimbulkan hari ini, dengan sebab itu beliau tidak ada dalam Dewan yang mulia ini. [*Tepuk*].

Yang Berhormat Menteri Kewangan ingin menjawab keraguan dan soalan sedemikian dengan terkeluar daripada Budget beliau, lalu mengumumkan peruntukan RM26.6 juta kepada BPR, memberikan gambaran bahawa ia sudah tentu adalah satu pertambahan peruntukan yang fantastik untuk memperluaskan kuasa BPR. Apabila saya memeriksa anggaran kemudian, saya mendapati ia adalah satu pertambahan yang kecil. Dalam peruntukan ialah dari RM26.83 juta untuk tahun 1993 kepada RM28.62 juta untuk tahun 1994.

Bermakna walaupun terdapat sedikit pertambahan dalam peruntukan untuk penyisatan oleh BPR daripada RM8.65 juta pada tahun 1993 kepada RM9.87 juta pada tahun 1994, terdapat

pengurangan dalam peruntukan untuk pendakwaan BPR ialah daripada RM2.21 juta untuk tahun 1993 kepada RM2.14 juta pada tahun 1994. Semua orang mengetahui bahawa masalah sebenar BPR adalah terletak kepada masalah pendakwaan dan bukan penyiasatan. Sebagaimana yang terpapar dalam kegagalan menegakkan keadilan yang masyhur, dengan izin, grave miscarriage of justice, dalam penyiasatan BPR terhadap skandal hijacking saham Telekom MAIKA yang mengakibatkan Presiden MIC merangkap Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, dia pun tahu perkara ini akan ditimbulkan, dia pun lari.

Yang Berhormat Menteri Kewangan sekarang telah menjadi begitu sempit, formal, legalistic dalam isu besar rasuah dan morality sehingga satu pendirian yang tidak beretika. Bagi beliau, Yang Berhormat Menteri Kewangan dan bakal Perdana Menteri atau dengan izin, 'Prime Minister-in-waiting', seseorang itu hanyalah rasuah jika ia didapati rasuah oleh BPR. Seseorang yang belum didapati rasuah oleh BPR, sama ada penyiasatan ada dijalankan atau tidak, kalau dijalankan sama ada dengan kuasa yang sepenuh atau tidak, adalah sesuci malaikat bagi beliau. Walaupun orang tersebut mempunyai reputasi seluruh negara seorang yang rasuah, tidak bermoral, yang tidak beretika. Tentulah pada waktu ABIM, Yang Berhormat Menteri Kewangan tentu akan menolak pendirian pendekatan sedemikian, yang begitu sempit dan tidak beretika atas isu besar rasuah dan morality, di mana seorang menyerahkan hukuman (judgement) dirinya ke atas BPR atas alasan tentulah bahawa BPR hanya satu alat kepada kuasa yang memerintah, mempunyai kuasa yang terbatas dan langsung tidak bebas, dalam tindakannya.

Tetapi, Yang Berhormat Menteri Kewangan sekarang "Prime Minister-in-waiting", telah mengingkari idealisme, etika, morality masa lampau.

Seseorang itu akan memikirkan bahawa ini adalah 'mind set' Melayu lama, tetapi nyata sekali kelihatan ini adalah sifat asas Melayu Baru, yang merupakan slogan menarik pasukan wawasan dalam pertarungan generasi UMNO minggu ini. Kita tidak tahu, apa dia Melayu Baru? Walaupun terdapat banyak definisi Melayu Baru, Ketua Menteri Melaka dan calon untuk Ketua Pemuda UMNO, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik telah memberi definisi tiga kualiti kepimpinan untuk seorang Melayu Baru, 'Pemimpin yang teruji', 'Berprestasi', 'Berwawasan'—amatlah bermakna sekali. Diperhatikan bahawa tiada rujukan kepada keperluan untuk kejujuran, etika dan morality sama sekali. Mungkin, sungguh pun kita tidak tahu, dengan izin, 'what is Melayu Baru', kita tahu 'who is Melayu Baru'—Tan Sri Rahim Tamby Chik. You do not know what is Melayu Baru, kita tahu 'who is Melayu Baru'—Tan Sri Rahim Tamby Chik dan mungkin Menteri Besar Selangor, Tan Sri Haji Muhammad Taib, lagi seorang aspirant untuk UMNO Vice Presidency yang telah menulis sebuah buku bertajuk "Melayu Baru".

Yang Berhormat Menteri Kewangan. "Prime Minister-in-waiting", sekarang suka, seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, suka menggembar-gembur mengenai keruntuhan ekonomi dan moral Barat, tetapi beliau harus menyedari bahawa rasuah telah menjadi punca kejatuhan dan keruntuhan negara dan empire dalam sejarah manusia.

Beliau harus juga menyedari bahawa memberi peruntukan tambahan RM1.6

juta kepada BPR dalam Budget 1994 tidak akan mengembalikan keyakinan awam terhadap BPR yang telah jatuh ke tahap yang paling rendah dalam kredibiliti selepas sandiwara cover-up BPR dalam skandal hijacking saham Telekom/MAIKA yang membabitkan Presiden MIC, Dato' Seri S. Samy Vellu.

Sesungguhnya Yang Berhormat Menteri Kewangan sendirilah yang dalam sidang Parlimen pada Mei tahun lalu, memberi pengesahan (confirmation) bahawa terdapat skandal hijacking saham Telekom/MAIKA kerana mengikut rekod Perbendaharaan, Kementerian telah memperuntukkan 10 juta saham STM kepada masyarakat India melalui MAIKA Holdings dan bukan melalui MIC, yang sekarang digunakan sebagai alasan oleh BPR untuk membebaskan Dato' Seri S. Samy Vellu daripada sebarang salahlaku jenayah dalam skandal tersebut. Sebenarnya, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang ada di sini dan juga Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, pernah mempertahankan kedudukan dan pendirian ini di dalam Parlimen, sehingga November 1992 bahawa 10 juta saham STM tersebut tidak pernah diperuntukkan kepada masyarakat India melalui MIC, tetapi kepada MAIKA, kenapa sekarang sudah bertukar?

Jika perkara ini adalah begitu jelas, iaitu peruntukan kepada MIC dan bukan kepada MAIKA, mengapakah BPR terpaksa mengambil 17 bulan untuk menyiasat Dato' Seri S. Samy Vellu dan mengarahkan beliau menyatakan harta-benda beliau dan isterinya, agennya, Pemegang Amanah yang berada di dalam dan di luar negeri, dan lain-lain pegawai MIC dan MIED sebelum mengumumkan di dalam kenyataan enam perenggan pada 12 Ogos, 1993, bahawa tiada kesalahan

jenayah telah pun didapati dalam kes ini. Oleh yang demikian, 'the case is close'.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Adakah BPR menemui Yang Berhormat Menteri Kewangan, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, di atas kenyataan mereka di Parlimen sehingga November 1992 di atas peruntukan 10 juta saham STM kepada masyarakat India, ialah kepada MAIKA dan bukan MIC. Adakah Yang Berhormat Menteri Kewangan memaklumkan hasil siasatan BPR bahawa Kerajaan telah memperuntukkan 10 juta saham STM kepada MIC untuk masyarakat India adalah bertentangan dengan rekod Perbendaharaan? Dan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar apa yang ia cakup tahun lalu— kalau sekarang kata tak benar ialah satu abuse of parliamentary privilege. Sebenarnya, apabila saya membaca kenyataan 6 perenggan.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Kerana UMNO tidak ada hari ini, kita hendak kacau sedikit. [*Ketawa*] Tahukah Yang Berhormat Ketua Pembangkang bahawa BPR sekarang ini apabila kita bercakap sesuatu dalam Parlimen, BPR pergi ke rumah kita dan menyiasat kita, dan menyuruh kita menjadi private investigator pula.

Misalnya, baru-baru ini saya bercakap dalam Parlimen yang Menteri Besar Selangor beri RM16 juta kepada isterinya yang diceraikan. Mana ada seorang Menteri Besar boleh bayar RM16 juta wang penceraian kepada isteri! BPR pergi ke rumah saya di Kota Bharu dan

dia kata "Mana surat original yang kamu dapat?" Saya kata, "Surat original tentulah ada pada bekas suami Tengku Zahariah." Kemudian dia suruh saya dapatkan surat original itu. Jadi, BPR suruh kita jadi private investigator! [*Ketawa*]

Apakah Ketua Pembangkang setuju bahawa BPR pindahkan kuasa kepada Parti Pembangkang untuk kita siasat Menteri Besar Selangor kenapa dia boleh memberi RM16 juta. Dan saya pun sekarang jadi private investigator — minggu lepas saya jumpa bekas janda Mat Taib ini, dan Tengku Zahariah kata benar dia memang terima RM10 juta tunai dan RM6 juta akan dibayar kemudian melalui bank Singapura. Apakah BPR begini pun tak boleh siasat—suruh kita yang siasat, minta memberi ulasan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya bersetuju. Ini menunjukkan bahawa BPR tidak ada kuasa. Bukan Anti Corruption Agency, tetapi 'Allowed (Benar) Corruption Agency'. ACA — bukan Anti Corruption Agency, tetapi 'Allowed Corruption Agency'—membenarkan rasuah.

Saya takut kalau Yang Berhormat dari Nilam Puri menjadi private atau independent investigator, dan surat asal didapati dan diserahkan kepada BPR sama ada satu hari ini akan hilang atau tidak. Mungkin kita perlu ada satu unit untuk mengawal BPR, [*Ketawa*] kerana saya sendiri sudah hilang sepenuhnya kepercayaan kepada BPR. Saya tidak ada apa-apa perkara dengan pegawai-pegawai dalam BPR, tetapi oleh kerana kita tidak tahu tanggungjawab terhad, tersekat, maka saya sendiri sudah hilang semua kepercayaan kepada BPR.

Apabila saya baca kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah BPR, Tan

Sri Zulkifli enam perenggan sahaja, selepas 17 bulan sisatan enam perenggan, adalah sangat tidak ada kecekapan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu:
[Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Nilam Puri bangun pula.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Penjelasan. Tadi Yang Berhormat Ketua Pembangkang kata hilang semangat untuk berjuang kerana berita angin bertiup di Kuala Lumpur yang mengatakan Ketua Pembangkang sekarang dapat lesen bank? [Ketawa] Ini ditiupkan daripada Jabatan Perdana Menteri. Apakah Ketua Pembangkang telah dapat lesen ataupun menggunakan proxy untuk dapat lesen bank menyebabkan hilang kepercayaan kepada BPR? Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Itu Bank Raket. [Ketawa] Saya hilang kepercayaan kepada BPR tidak bererti bahawa kita sudah putus asa mengenai perjuangan kita mahu menegakkan satu masyarakat yang adil, yang bersih dan jernih. Sama ada benar ada khabar angin bahawa lesen French Bank diberikan kepada saya, mungkin itu belum sampai. Bila sampai, saya akan buka surat itu dan tengok, dan saya akan kongsi dengan PAS mungkin. [Ketawa] Ini perkara serius. Kenyataan enam perenggan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah BPR gagal untuk memberi keyakinan kepada sesiapa yang membacanya bahawa BPR ada fakta-fakta dan bukti-bukti yang cukup untuk melepaskan Presiden MIC daripada siasatan MAIKA scandal dan pendakwaannya.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu sebab di mana ada fakta-fakta yang

didapati oleh BPR sebagaimana yang dinyatakan dalam kenyataan enam perenggan bercanggah dengan penjelasan umum yang diberikan oleh Presiden MIC sendiri, khususnya dalam sidang akhbar "tell-all press conference" pada 15hb. Mei. Kita boleh ingat pada 14hb. Mei, 1992, di luar Dewan nyaris ada satu pukulan dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos terhadap MP-MP daripada DAP. tetapi dia kata bahawa dia akan tell-all, dia akan umum fakta-fakta mengenai MAIKA scandal. Tetapi "tell-all press conference" sebenarnya adalah "cover-all press conference". Percanggahan yang amat jelas adalah seperti berikut:

Pertama, Presiden MIC telah mendakwa dalam "tell-all press conference" bahawa bersih daripada jualan 8.2 juta saham STM berjumlah RM7.168 juta telah pun disalurkan kepada MIED, kalau saya tidak silap, pegawai MIED pun ada di sini, Ahli Yang Berhormat dari Telok Kemang, dalam tiga ansuran iaitu RM2.318 pada November 1990, RM100,000 pada Disember 1990 dan RM4.75 juta pada April, 1992. Walaupun BPR mengesahkan bayaran ansuran pertama berjumlah RM2.318 juta kepada MIED, ia tidak mengesahkan bayaran ansuran yang kedua dan ketiga. Sebaliknya, ia memberi versi yang bercanggahan menyatakan bahawa pendapatan bersih yang diperolehi daripada jualan kedua yang menurut Presiden MIC adalah RM100,000 telah dengan rela diserahkan kepada Yang Berhormat Dato' S. Samy Vellu dengan arahan bahawa wang tersebut akan digunakan jika dan apabila perlu, dan dengan cara yang beliau anggap sesuai untuk manfaat masyarakat India.

Kenyataan BPR menyatakan bahawa wang diserahkan kepada Dato' S. Samy

Vellu telah digunakan untuk membeli 3 juta saham Tenaga untuk MIC yang pada sekarang masih dalam jagaan MIC. Ini bererti dua perkara—pertama, tidak ada bayaran ansuran kedua sebanyak RM100,000 kepada MIED pada Disember 1990 sebagaimana yang didakwa oleh Presiden MIC daripada jualan 5.5 juta saham Telekom pada November 1990. Kedua, keuntungan bersih daripada jualan 5.5 juta saham Telekom yang didakwa tersebut mungkin adalah RM100,000.

Jika Presiden MIC dapat menggunakan untuk membeli 3 juta saham Tenaga dan semestinya berharga sekurang-kurangnya RM25 juta, kerana harga listing pada 29hb. Mei, 1992 adalah RM8.50 sesaham, dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pada tahun lalu telah menyatakan dalam Parlimen bahawa MIC tidak pernah diperuntukkan sebarang saham Tenaga pada harga nilai muka RM4.50 sesaham. Kalau tidak, ini bererti harganya ialah RM25 juta. Tetapi Presiden MIC kata pendapatan bersih ialah RM100,000.

Dalam satu pertemuan saya dengan BPR tahun lepas, saya telah memberi mereka salinan fotostat dua resit yang dikemukakan oleh Dato' S. Samy Vellu untuk membuktikan bayaran kepada MIED sebanyak RM2.318 juta pada November 1990 dan bayaran ansuran kedua sebanyak RM100,00 pada Disember 1990. Dua resit inilah apa yang saya kemukakan kepada BPR.

Resit pertama adalah untuk RM2.318 juta dikeluarkan kepada Clearway Sdn. Bhd. dan bertarikh 24hb. November 1990, dengan nombor resit 3701. Resit untuk bayaran ansuran kedua sebanyak RM100,000 ialah dikeluarkan kepada Advanced Personal Computers (APC)

bertarikh 2hb. Januari 1991, nombor resitnya ialah 3702. Kedua-dua resit tersebut menyatakan bahawa bayaran adalah dalam tunai. RM2.3 juta, bayar dalam tunai—cash! Bukan satu RM100,000 dalam cash, RM2.3 juta dalam cash! Mungkin dalam UMNO, bukan sahaja RM2 juta dalam cash, RM10 juta pun dalam cash!

Jika dari kenyataan BPR tidak dapat bayaran ansuran kedua sejumlah RM100,000, maka resit kedua adalah dokumen palsu, resit yang palsu—fabricated! Jika satu resit boleh difabricated, maka kesahihan resit pertama pun juga boleh diragui, dua-dua fabricated! Begitu juga dengan dokumen MIED yang telah dirampas dan diserahkan kepada BPR berhubung dengan siasatannya ke dalam skandal perampasan saham Telekom MAIKA Holdings. Keadaan lain yang menunjukkan kedua-dua resit yang dikemukakan oleh Dato' S. Samy Vellu sebagai dokumen palsu dan bukan dokumen yang sah ialah nombor resit, yang menunjukkan ianya ditulis pada waktu yang sama. Walaupun mereka seharusnya berlaku dalam tempoh 5 minggu antara satu sama lain, tetapi 3701 dan 3702.

Lagi, bayaran dalam tunai apabila urusan biasa untuk syarikat sepatutnya adalah dengan menggunakan cek. Lagi satu sebab, resit kedua sejumlah RM100,000 telah pun dikeluarkan kepada Advanced Personal Computers Sdn. Bhd. apabila daripada dokumen-dokumen yang ada dibentangkan oleh Dato' Seri S. Samy Vellu sendiri, APC telah mengalami kerugian sejumlah RM440,000 daripada penjualan RM2.5 juta saham Telekom pada November 1990. Walaupun ia masih mempunyai 500,000 saham dalam tangan, S.B. Management adalah syarikat yang telah

memperolehi keuntungan sebanyak RM2.5 juta daripada penjualan RM3 juta saham Telekom pada November, 1990 sebagaimana yang didakwa. Kalau ada syarikat yang mengeluarkan RM100,000 ialah S.B. Management, tak boleh APC (Advanced Personal Computers), tetapi sudah lupa, mahu fabricate tentulah ada kesusilaan yang dibuat.

Dato' Seri S. Samy Vellu tidak mungkin bohong buat kali pertama dalam skandal hijacking saham Telekom MAIKA Holdings. Dalam sidang "Tell-All Press Conference" pada 15hb. Mei 1992, yang sebenarnya adalah suatu sidang tanpa cover-up, beliau mendakwa bahawa berikutan penyenaian saham STM pada 7hb. November 1990, harga menurun daripada RM6.00 kepada RM5.30. Jadi, dia kata, "Kami cemas, kami memperolehi perunding nasihat profesional dan memutuskan untuk menjual saham tersebut kerana jika tidak, ketiga-tiga syarikat tersebut akan menjadi bankrap."

Sebenarnya, saham STM tidak pernah jatuh ke harga RM5.30 kerana selepas sekali jatuh ke RM5.85, pada hari listing pada 7hb. November 1990, ia terus naik bagi seluruh bulan November, seterusnya. Pada awal bulan lalu, ada dilaporkan bahawa BPR telah menahan Pegawai Akauntan MIC dan menyoal 7 orang yang lain dalam siasatan barunya ke dalam dakwaan pemalsuan akaun MIED yang melibatkan RM2.38 juta ini yang merupakan ansuran pertama daripada jualan saham STM sebagaimana yang didakwa oleh Dato' Seri S. Samy Vellu pada "Tell-All Press Conference". Saya ingin mengetahui sama ada benar bahawa BPR telah membuka semula siasatan kerana ia telah menerima satu laporan Polis rasmi bahawa dokumen MIED yang dibentangkan kepadanya

semasa skandal perampasan saham Telekom selama 17 bulan telah dipalsukan; dan break-in, kecurian atau burglary di ibu pejabat MIED pada Mei, 1992 adalah kerja dalaman (inside job) bagi membolehkan fabrication document MIED untuk BPR dijalankan.

Saya juga ingin mengetahui sama ada benar bahawa BPR telah terpaksa menghentikan siasatan selanjutnya ke dalam fabrication of document MIED kerana menerima tekanan daripada peringkat politik tertinggi. BPR telah gagal menerima namanya sebagai Badan Pencegah Rasuah, dan sebaliknya telah menjadi satu bahan membenarkan rasuah. Kerajaan adalah tidak serius mahu memerangi rasuah, pecah amanah, amalan tidak beretika dan penyalahgunaan di tempat tinggi politik. Jika tidak, BPR hendaklah dinaikkan kedudukannya menjadi badan bebas yang hanya bertanggungjawab kepada Parlimen dengan kuasa yang lebih besar.

Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan bahawa beliau yakin bahawa Suruhanjaya Sekuriti akan mengambil tindakan tegas terhadap sebarang bentuk manipulasi oleh individu atau syarikat dalam industri sekuriti. Beliau harus menjalankan kepada Parlimen dan seluruh negara mengapa 'short-seller' yang terbesar dalam skandal saham Union Paper yang melibatkan lebih daripada 1 juta saham masih belum didakwa di Mahkamah.

Walaupun Setiausaha Parlimen beliau pernah menafikan semasa waktu pertanyaan di Parlimen pada bulan lalu bahawa Peguam Negara telah diarahkan supaya tidak mendakwa dua orang Tan Sri lagi kerana 'short-selling' dalam skandal saham Union Paper, adalah significant beliau tidak menafikan

bahawa ada dua orang Tan Sri yang terkemuka itu adalah di antara mereka yang masih belum didakwa kerana terlibat dalam short-selling dalam Union Paper.

Pengerusi Eksekutif Bursa Saham Kuala Lumpur, Dato' Nik Din telah berkata pada 13hb. Julai bahawa daripada 3.315 juta saham Union Paper yang dikehendaki dibeli masuk, defaulter yang terbesar telah menjual lebih daripada 1 juta saham. Bekas Pengerusi Promet, Tan Sri Ibrahim didenda RM500,000 bukanlah defaulter yang terbesar kerana beliau membabitkan short-selling sebanyak 825,000 saham. Sehingga hari ini, 8 orang yang telah ditangkap dan didakwa kerana terlibat dalam short-selling Union Paper membabitkan sejumlah 1.58 juta saham yang mana masih kurang daripada separuh jumlah besar 3.315 juta saham yang terlibat dalam short-selling dalam skandal saham Union Paper.

Apakah justifikasi yang dapat diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk mendakwa seorang peniaga kerana terlibat dalam short-selling sebanyak 2,000 saham Union Paper? Sementara short-seller terbesar yang terbabit dalam short-selling lebih daripada 1 juta saham Union Paper pula dibenarkan bebas daripada pendakwaan. Adakah ini satu lagi bukti pendakwaan selektif (selective prosecution) yang kelihatan menjangkiti penguatkuasaan undang-undang dalam Kerajaan Barisan Nasional secara keseluruhan?

Jika dua orang Tan Sri terkenal tersebut adalah antara short-seller terbesar saham Union Paper yang belum didakwa, maka Yang Berhormat Menteri Kewangan harus membenarkan orang awam mengetahui siapakah mereka dan mengapakah mereka boleh menikmati keistimewaan ini?

Yang Berhormat Menteri mengatakan persembahan prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur yang impressive tahun ini membayangkan keyakinan dalam ekonomi. Beliau membidas sikap negatif kumpulan minoriti yang tidak mempunyai keyakinan dalam kekuatan ekonomi kita dan yang percaya bahawa persembahan kuat pasaran saham adalah berdasarkan spekulasi semata-mata.

Selaku Menteri Kewangan, Yang Berhormat adalah bertanggungjawab untuk mempertahankan kepentingan pelabur-pelabur kecil daripada stok yang telah mengalami kenaikan yang tidak pernah berlaku kerana spekulasi yang dilakukan mengenai perhubungan politik, amalan korporat dan pemberian kontrak penswastaaan yang lumayan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan bercakap berkenaan dengan keputusan pelaburan yang perlu berdasarkan market fundamentals. Semasa penutupan Bursa Saham Kuala Lumpur pada Jumaat yang lalu, Idris Hydraulic telah diniagakan pada harga RM5.85 sesaham dan Sime Darby pada harga RM5.65 sesaham. Berdasarkan asas market fundamentals apa, nilai Idris Hydraulic lebih tinggi daripada Sime Darby, apabila pada awal tahun ini Idris Hydraulic hanya bernilai 68 sen sesaham dan menurut akaun Idris Hydraulic bagi tahun 1992 yang telah diaudit, kerugian terkumpul kumpulannya berjumlah RM133 juta, sementara kerugian terkumpul syarikatnya berjumlah RM52 juta? Yang Berhormat Menteri Kewangan harus berhati-hati bahawa tentu dia tahu. Menurut khabar angin beliau berhubung dengan Idris Hydraulic khususnya Pengarah Urusannya dan Ketua Eksekutif kumpulannya, Haji Ishak bin Ismail yang merupakan pemegang saham individu terbesar dan seorang penyokong kuat

dalam perebutan beliau untuk jawatan Timbalan Presiden UMNO khususnya dalam Sabah. (*Tepuk*)

Satu aduan telah pun dihantar kepada Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Dato' Dr. Munir Majid pada September tahun ini di atas penyalahgunaan pendapatan right issue tahun 1991 oleh Idris Hydraulic yang berjumlah RM60 juta. Prospektus ringkas rights issue 1991 Idris Hydraulic bertarikh 14hb. Ogos 1991, menyatakan bahawa pendapatan kasar berjumlah RM141.697 juta daripada rights issue, 217 juta saham baru bernilai 50 sen pada harga 65 sen sesaham pada asas empat saham baru untuk setiap lima yang dipegang, antara lain untuk inject RM50 juta ke dalam Talasco Insurance Sdn. Bhd., anak syarikat kepunyaan Idris Hydraulic sebagai 'technically insolvent' dan RM20 juta untuk inject ke dalam Kewangan Usaha Bersatu Berhad.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada Ahli yang bangun.

Tuan Haji Sukri bin Mohamad: Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Yang Berhormat kenalkah Ishak ini siapa? Bukankah dia ini Setiausaha UMNO Bahagian Permatang Pauh, kalau tidak silap saya?

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak kenal siapa dia. Saya tidak kenal siapa Ishak, tetapi saya percaya Yang Berhormat Menteri Kewangan sangat kenal, bahkan lebih akrab daripada keakraban dahulu. [*Ketawa*] Injection modal ke dalam Talasco adalah untuk menambahkan modal dibayar Talasco untuk memastikan ia dapat menampung syarat minima "solvency"nya di bawah Akta Insuran 1963, tetapi: rights issue tersebut telah pun disalahgunakan.

Adalah mengejutkan akan bagaimana syarikat yang mendakwa mempunyai perhubungan dengan personaliti politik dapat mengengkar perintah dan arahan Bank Negara Malaysia tanpa menghadapi sebarang hukuman. Idris Hydraulic dan anak syarikatnya Talasco adalah contoh yang baik. Pada 1992, Bank Negara Malaysia telah menjalankan satu pemeriksaan ke atas Talasco untuk menilai kedudukan dan prestasi kewangannya. Dalam laporan mereka pada akhir tahun 1992, pemeriksaan Bank Negara Malaysia telah mendapati bahawa kedudukan kewangan Talasco pada 31hb. Disember, 1991 adalah kritikal dengan margin deficit solvency berjumlah RM47.1 juta. Mereka menekankan bahawa pada September 1991, syarikat pemegang Talasco Holding Company ialah Idris Hydraulic berjaya memperolehi RM50 juta menjadi sebahagian daripada rights issue berjumlah RM141.7 juta yang ditetapkan untuk capital injection ke dalam Talasco.

Walau bagaimanapun, Idris Hydraulic gagal menunaikan komitmen yang diberikan kepada pemegang saham, kepada Bank Negara Malaysia, kepada Capital Issues Committee. Pemeriksa-pemeriksa Bank Negara Malaysia mendapati bahawa akibat kelewatan dalam capital injection yang diperlukan ke dalam Talasco, perniagaan am syarikat tersebut menghadapi masalah pengairan tunai yang mengakibatkan dalam penggunaan tabung nyawa yang haram, illegal use life fund, dengan izin. Mereka juga mendapati situasi yang kelim kabut di Talasco, di mana arahan Ketua Pegawai Eksekutif Talasco boleh diabaikan dan dicemuh oleh orang bawahan tanpa menghadapi hukuman kerana campurtangan Pengarah-pengarah daripada Idris Hydraulic.

Pemeriksa-pemeriksa mendapati penyelewengan dalam pengurusan Talasco seperti pembatalan hutang lapuk yang meluas di mana siberhutang firma-firma yang berkenaan adalah sama ada bekas Pengarah Talasco, ahli-ahli politik, peniaga terkenal atau kerabat diraja. Pada tahun 1990, ini melibatkan 74.3% daripada hutang yang dibatalkan atau RM1.47 juta dan pada tahun 1991, ia membabitkan 40.8% daripada jumlah yang dicadangkan untuk dibatalkan atau RM922,000. Ahli-Ahli politik yang dikenalpasti dalam write-off atau proposed write-off dicadangkan dalam tahun itu ialah antara lain Zakaria Salleh yang disifatkan sebagai Ketua Bahagian UMNO Seputeh, angka yang terlibat RM497,908; Haji Mohd. Fadzulla Dato' Haji Mokhtar yang disifatkan sebagai Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Pekan, Pahang -RM877,501; Senator Haji Mohd Nazri Tan Sri Abdul Aziz, Timbalan Ketua Pemuda UMNO Malaysia dan bekas Pengarah Talasco -RM10,989. Di samping jumlah pembatalan write-off atau proposed write-off yang dicadangkan, terdapat RM3.88 juta yang masih dalam proses litigasi dan sekali lagi RM2.997 juta atau 88.5% daripada jumlah yang belum dijelaskan tersebut adalah berhubung dengan pesonaliti-pesonaliti yang terkenal seperti Zakaria Salleh yang ada disebut tadi, lagi satu angka yang berbeza, RM929,357; Haji Mohd. Fadzulla Dato' Haji Mokhtar -RM684,885; Haji Ibrahim Haji Ali, Ahli Dewan Undang Negeri Serting, Negeri Sembilan -RM429,238; Ismail Said, Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Ahli Parlimen Kemaman -RM308,396; Dato' Abdul Rashid Mohamad, Ahli Parlimen Kuala Nerus, Terengganu -RM260,180.

Di antara penyelewengan yang diperhatikan oleh pemeriksa-pemeriksa Bank Negara Malaysia yang memudaratkan kepentingan pemegang polisi ialah kegiatan mereka yang berlaku pada pertengahan 1991 di mana Haji Ishak bin Ismail membeli 1,000 lot saham Malayan United Industries dengan harga RM2.715 juta bagi pihak Talasco walaupun beliau tidak diberi kuasa untuk berbuat demikian.

Walaupun Bank Negara Malaysia membuat teguran mengenai perkara ini, tetapi pada 9hb. November 1992, Haji Ishak bin Haji Ismail melakukan penjualan saham kepunyaan Talasco tanpa kuasa berjumlah RM3.1 juta dan pada 17hb. November 1992, satu mesyuarat khas Lembaga Pengarah telah pun diadakan untuk meluluskan saranan Haji Ishak bin Ismail untuk menjualkan semua pelaburan senarai Talasco dan jika Talasco telah mengikuti keputusan sedemikian, ia akan mengalami kerugian RM2 juta. Pemeriksa-pemeriksa menyatakan bahawa Ahli Lembaga Pengarah Talasco telah gagal dalam tugas mereka untuk mempertahankan kepentingan pemegang polisi-polisinya.

Memandangkan latar belakang ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan harus membuat kenyataan yang jelas mengenai perhubungan beliau dengan Idris Hydraulic dan Haji Ishak Ismail.

Beberapa Ahli DAP: Ya!

Tuan Lim Kit Siang: Mahu buat sekarang?

Seorang Ahli DAP: Jawablah!

Tuan Lim Kit Siang: Saya boleh beri jalan.

Beberapa Ahli DAP: Jawab, Jawablah!

Seorang Ahli DAP: Silence means confess!

Tuan Lim Kit Siang: Saya boleh beri jalan.

Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: No need. Nanti dulu. Pergi minum dulu! [*Ketawa*]

Tuan Lim Kit Siang: 'Style' baru. Lebih cute daripada sesi yang lalu. [*Ketawa*]

Seorang Ahli DAP: Apabila menjadi DPM, mahu confidence.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu confidence, DPM! Sementara berada disubjek untuk memastikan akauntabiliti yang lebih besar, peningkatan kecekapan mengelakkan pembaziran dan memerangi rasuah, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Drs. Suleiman Mohamed, kerana akhirnya mengembalikan kepada DBKL pada September tahun ini, RM90,000 yang dibayar terdahulu sebagai advance. Salah seorang daripada 15 pemimpin-pemimpin (team leaders) yang menghadiri junket Casablanca selepas kelewatan 1 1/2 tahun dan setelah perkara itu disebutkan dalam Parlimen pada Julai tahun ini dalam perbahasan ke atas Anggaran Tambahan dan tentulah Yang Berhormat Timbalan Menteri memperoleh mungkin durian runtuh selepas memenangi Pemilihan UMNO Titiwangsa. Tak tahulah mahu cakap terima kasih kepada siapa! [*Ketawa*]

Pada Julai lalu, saya juga bercakap tentang kedudukan kewangan DBKL

yang teruk dan tiada tindakan yang tegas telah pun diambil dalam DBKL terhadap kakitangan yang menggelap, mencuri wang di DBKL. Sebenarnya, saya ada senarai nama-nama, angka-angka dan tempat-tempat. Saya harap, saya tidak perlu menyebut butir-butir penuh di Dewan ini dan perkara ini akan diselesaikan sebelum saya perlu berdiri untuk membongkar perkara ini.

Pada Julai lalu, saya bercakap tentang skandal RM300 juta Terminal Kontainer Butterworth Utara yang tidak akan dapat beroperasi setahun kerana tidak ada gantry crane. Sekarang kelewatan sebelum Terminal Kontainer Butterworth Utara yang menilai RM300 juta dapat beroperasi selepas siap dibina pada awal tahun hadapan akan dilanjutkan. Saya telah bertanya mengapakah Kementerian Kewangan telah menolakkkan keputusan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang lalu memberikan kontrak tiga gantry crane containers kepada GEC Australia yang tidak memenuhi spesifikasi tender. Saya tidak puas hati dengan penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Walau bagaimanapun, saya mengetahui mengapakah kontrak tiga gantry crane containers tersebut belum ditandatangani? Saya difahamkan pada bulan lalu, GEC Australia telah pun diluluskan oleh Kementerian Kewangan walaupun bantahan kuat daripada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. Pemberian kontrak sudah tidak wajar. Sekarang lagi ditambah RM2 juta. Kenapa?

Seorang Ahli DAP: Jawab, jawablah!

Tuan Lim Kit Siang: Ini adalah permintaan dan kelulusan. Ini saya dengar mungkin bukan RM2 juta tetapi AS\$2 juta (Australia).

Seorang Ahli DAP: Oh! Ini sangat besarnya.

Tuan Lim Kit Siang: Ini adalah permintaan dan kelulusan yang amat luar biasa oleh Kementerian Kewangan dan ternyata sekali satu penjelasan yang serta merta, jujur dan ikhlas perlu diberikan.

Sebagai Prime Minister-in-waiting, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menggunakan ucapan beliau untuk menyampaikan sokongan beliau kepada demokrasi dan hak asasi manusia versi ala-Dr. Mahathir Mohamad yang perlu dapat satu response kerana beliau menyahut hujah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menyamakan kritik terhadap politik tidak demokratik Barisan Nasional sebagai permintaan untuk “absolute democracy and unlimited freedom”. Tidak sesiapa yang menuntut untuk mengadakan “absolute democracy or unlimited freedom”. Apa yang kita menuntut ialah pemulihan hak-hak asasi manusia kita sebagai manusia dan yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Inilah antara idealisme-idealisme yang sudah dikhianati oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan masih dalam ABIM.

Sebelum meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO, Yang Berhormat Encik Ghafar Baba telah mendapati beliau disisihkan daripada media-massa (“black-out”) dalam pertandingan merebut Kerusi Pimpinan No. 2 dalam UMNO apabila dicabarkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. DAP telah mengalami “blackout” media-massa ini melebihi dua dekad! Tetapi apabila layanan sedemikian juga diberikan kepada seorang Timbalan Perdana Menteri, ia menunjukkan bahawa masalah demokrasi dan hak asasi manusia di Malaysia tidak sangat serius

dan tidak ada bersangkutan-paut dengan “absolute democracy and unlimited freedom”. [*Tepuk*] Apa yang tidak sihat.....

Dr. Kua Kia Soong: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Petaling Jaya bangun.

Dr. Kua Kia Soong: Minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, adakah Ketua Pembangkang sedar bahawa walaupun pada ketika Perdana Menteri balik dari UN dan barangkali di sana tidak diberi penghormatan seperti di dalam negara ini, dia pun ada hentam media-massa Barat. Tetapi adakah Ketua Pembangkang tahu Perdana Menteri telah di ‘interviewed’ beberapa kali oleh BBC dan magazines seperti Far Eastern Economic Review, Times, Newsweek dan sebagainya? Tetapi dalam negara ini, walaupun RTM adalah media-massa rakyat, saya tidak ingat berapa kali Ketua Pembangkang atau Ahli Parlimen dari Jelutong atau Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru diberikan interview yang penuh seperti yang diberikan kepada Perdana Menteri di media Barat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya sedar dan sebenarnya saya akan sentuh perkara tersebut ini. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menghadiri beberapa persidangan antarabangsa – United Nations General Assembly dan CHOGM di Cyprus – di mana beliau ada membuat teguran mengenai hypocrisy dan “double-standards” Barat mengenai hal-hal demokrasi, hak asasi manusia, mengenai Bosnia-Herzegovina, mengenai struktur dan tidak demokratik dalam United Nations, khususnya dalam Security Council dan mengenai media yang dikuasai (controlled) oleh kuasa-kuasa Barat. Beliau pun ada komplek bahawa dia kena “black-out”. Dengan

izin, my heart goes out to him—simpati. Saya faham, 20 tahun saya tahu bagaimana perasaan, apabila yang kita fikir mustahak, kita utarakan, ia di“black-out”. My heart goes out to Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tetapi sungguhpun dia ada di“blacked-out”, dia tidak diblackout secara total. Dalam CHOGM pun dia ada BBC Overseas Service, satu interview yang panjang lebar. Tetapi di dalam tanahair kita, kontrol itu lebih dahsyat. Masa media sama ada printed atau elektronik adalah dalam absolute control. Saya tidak pernah dijemput untuk interview di TV1, TV2, TV3 atau akan datang TV4. Tentulah kita sokong apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri suarakan di bidang antarabangsa. Dalam perkara control dominant sebaran am oleh Barat mengenai Bosnia Herzegovina “genocide” di mana kuasa-kuasa Barat sudah gagal untuk memainkan peranan mereka mengenai structure of the United Nations Security Council.

Kita akan lebih senang hati kalau silap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ditunjukkan mengenai demokrasi dan hak asasi pun, ditunjukkan di dalam negara bahawa, apabila mengkritik pihak-pihak Barat hypocritical and double standard, beliau sendiri tidak hypocritical and double standard dalam perkara demokrasi dan hak-hak asasi dalam Malaysia. [*Tepuk*] Masalah ialah apabila di luar negara, dia mengkritikkan kuasa-kuasa Barat hypocritical and double standard. Apabila balik, dia sendiri hypocritical and double standard. Sekarang disokong oleh ‘Prime Minister is waiting’. Sebab itu apabila di dalam ucapan Budget, dia pun mahu tunjuk sokongan dia kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam visi demokrasi hak-hak asasi ala-Mahathir.

Apa yang kita khawatir sebenarnya ialah ada satu usaha apa yang dikatakan tidak sihat dan merosakkan insidious, adalah terdapat satu kempen yang sistematik melalui media massa, media cetak dan elektronik untuk meracunkan rakyat Malaysia supaya mempunyai bahawa hanya satu model demokrasi dan hak asasi yang boleh dianggap sebagai sah (legitimate) ialah sistem demokrasi dan hak asasi ala-Mahathir. Kempen ini dijalankan melalui dua serampang. Satu, di luar negara untuk mengkritik pihak Barat sebagai hypocritical and double standard dan apabila balik untuk mengkritik, menuduh rakyat Malaysia yang berani untuk mempertahankan hak-hak asasi dan kebebasan demokrasi sebagai hamba, ‘stooge and slave’ Barat. Itulah apa yang tidak sihat.

Kita perlu menikmati hak-hak asasi dan demokrasi bukan oleh kerana inilah hadiah daripada Barat. Kita patut menikmati hak-hak asasi dan demokrasi oleh kerana inilah hak kita (birth right) yang termaktub di dalam Perlembagaan. Baru-baru ini kita dengar suara-suara Barisan Nasional yang mengatakan bahawa pihak Barat sudah gagal dalam ujian moraliti (great crisis of morality) dalam Bosnia-Herzegovina. Barat sudah gagal dan sebab itu pihak Barat sudah hilang kelayakan, tidak layak lagi untuk mengkritik Malaysia mengenai demokrasi dan hak-hak asasi. Kenapa kita mahu hirau sama ada Barat gagal atau berjaya dalam crisis morality yang mereka hadapi di dalam Bosnia-Herzegovina? Kalau mereka gagal, mereka perlu dikutuk dan kita menyokong semua tindakan untuk mengutuk pihak Barat dalam perkara “genocide” Bosnia-Herzegovina. Tetapi kegagalan Barat di dalam moral crisis Bosnia-Herzegovina tidak bererti bahawa rakyat Malaysia perlu hilang hak-hak asasi dan demokrasi. [*Tepuk*] Kenapa

ini boleh diequate bahawa Barat (West) sudah gagal, di Malaysia pun rakyat tidak patut ada hak-hak asasi dan demokrasi. Apa ini illogic? Saya pun tidak tahulah sama ada "Prime Minister in-waiting" pun ada 'perverse illogic' yang baru!

Tuan Yang di-Pertua, tentulah penapisan dan kawalan ke atas akhbar bukan sahaja melanggar hak-hak asasi untuk berucap dan bersuara dengan bebas, hak untuk mendapat maklumat tetapi juga telah mēmbantu menggalakkan amalan-amalan yang tidak demokratik, penyalahgunaan kuasa, rasuah dan skandal kewangan. Kesemua ini tidak memberi makna kepada konsep-konsep perakaunan demokrasi atau tansparency Kerajaan. Tidaklah perlu kita menerangkan bahawa apa erti sebenarnya 'absolute democracy' dan 'unlimited freedom' oleh kerana inilah diciptakan, bukan oleh pihak kita di sini tetapi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tetapi rakyat Malaysia harus ada hak untuk membantah pencabulan hak-hak asasi seperti penahanan tanpa bicara di bawah ISA, seperti di dalam kes Dr. Jeffry Kitingan dan empat orang dari Sabah yang didakwa terbabit di dalam satu komplot untuk memisah Sabah dari Malaysia, walaupun tidak terdapat sebarang bukti dalam tiga tahun ini. Sepuluh tahun dahulu tentulah ini akan mendapat sokongan dari Yang Berhormat Menteri Kewangan, tetapi sepuluh tahun kemudian adalah perubahan yang besar. Rakyat Malaysia haruslah boleh tampil untuk menegakkan kebebasan demokrasi dan hak-hak asasi tanpa dikritikkan sebagai hamba-hamba atau kunci-kunci negara Barat.

Akhirnya, mengenai hak-hak asasi dan demokrasi, biarlah saya menyatakan bahawa apabila saya kata hak-hak asasi manusia, saya tidak mengkhususkan

kepada hak-hak asasi sivil dan politik tetapi sebagai satu konsep yang menyeluruh, yang merangkumi hak-hak asasi sosial, ekonomi dan budaya, juga termasuk hak untuk hidup, dapat makanan, pekerjaan, maruah dan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memuji Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana satu program RM1.4 bilion untuk mengatasi masalah perumahan kos rendah di Malaysia, yang menjadi kegagalan terbesar Kerajaan Barisan Nasional sejak tahun 1970. Saya masih mengesyaki sama ada Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri Barisan Nasional ada keazaman untuk benar-benar menyelesaikan masalah untuk menyediakan perumahan yang mampu kepada rakyat Malaysia yang miskin dan berpendapatan rendah. Syak wasangka saya timbul kerana kegagalan rancangan khas perumahan kos rendah yang dilancarkan oleh pada masa itu Timbalan Perdana Menteri, Dato' Musa Hitam pada tahun 1986 yang bertujuan untuk membina pada mulanya 240,000 unit dan kemudian 320,00 unit kos rendah dalam masa 3 tahun.

Rancangan Khas Perumahan Kos Rendah telah dilanjutkan dua kali dari program tiga tahun pada asalnya sehingga menjadi program sembilan tahun untuk berakhir pada tahun 1995.

Dari data yang terbaru yang diperolehi dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, sehingga akhir tahun 1992, hanya 136,258 unit dari 320,874 unit yang dijangkakan telah disiapkan ataupun hanya 42 peratus pencapaian, sungguhpun program ini telah dilanjutkan tempoh dari tiga tahun kepada enam tahun.

Pecahan bagi rumah yang disediakan di bawah Rancangan Khas Perumahan Kos Rendah sehingga akhir tahun 1992 bagi setiap negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah Unit</i>
Perlis	870
Kedah	40,728
Pulau Pinang	16,129
Perak	20,233
Selangor	15,389
Wilayah Persekutuan	8,800
Negeri Sembilan	7,260
Melaka	3,347
Johor	15,283
Pahang	4,704
Terengganu	499
Kelantan	1,304
Sabah	1,642
Jumlah Unit	<u>136,258</u>

Daripada angka-angka ini dan jawapan Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang berkata bahawa Program Rancangan Perumahan Kos Rendah yang lain, yang akan disediakan dalam tiga tahun akan datang ialah: 25,138 unit pada tahun 1993, 18,735 unit pada tahun 1994 dan 13,046 unit pada tahun 1995. Daripada angka-angka ini, kalau kita campurkan semua angka-angka tersebut sehingga tahun 1995 kita tidak akan mencapai maklumat penuh Ran-

cangan Perumahan Kos Rendah yang berjumlah 320,874 unit. Sebenarnya, sebanyak 127,699 unit telah hilang dan ini merupakan 40 peratus daripada program ini. Ini adalah sangat 'scandalous'. Setelah melanjutkan program tiga tahun ini kepada sembilan tahun, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan masih perlu menggugurkan 40 peratus unit rumah dari matlamat akhir program perumahan ini.

Soalan pertama, rakyat Malaysia ingin tahu ialah sama ada Kerajaan sudah memutuskan untuk menggugurkan Rancangan Khas Perumahan Kos Rendah, apabila ia masih belum dapat menyiapkan 50% dari matlamatnya, walaupun tempoh asal selama tiga tahun setelah dilanjutkan dua kali menjadi sembilan tahun.

Soalan kedua, apakah jaminan yang boleh diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk memastikan Program Perumahan Kos Rendah sebanyak RM1.4 bilion yang beliau umumkan dalam Belanjawan 1994 tidak akan gagal juga seperti Rancangan Khas Rumah Kos Rendah, yang melibatkan satu pakej rumah kos rendah yang menelan belanja sebanyak RM6 bilion? Sekarang Yang Berhormat Menteri Kewangan mengemukakan satu pakej RM1.4 bilion.

Pada tahun 1986, Kerajaan Barisan Nasional telah mengemukakan satu pakej RM6 bilion, tetapi a big flop. Ada baiknya kita mencari dan fahami bagaimana program berjumlah RM6 bilion ringgit bagi Rumah Kos Rendah yang dilancarkan pada tahun 1986 telah gagal dengan teruknya.

Pada 2hb. Disember, 1985, Timbalan Perdana Menteri pada masa itu Datuk Musa Hitam telah membuat pengumu-

man pertama bahawa Kerajaan telah memutuskan untuk melancarkan Projek Khas 3-tahun. Projek Rumah Kos Rendah yang membina 80,000 unit rumah setahun, berharga kurang dari RM25,000 seunit bagi tempoh 1986 hingga 1989. Beliau berkata Kerajaan telah mengarahkan Bank Negara dan bank-bank untuk memperuntukkan sebanyak RM2 bilion pada tahun berik特 untuk memulakan rancangan ini—iaitu RM1.5 bilion daripada bank-bank dan RM500 juta daripada Bank Negara bagi pembangunan perumahan dan pinjaman dan perbelanjaan bagi 80,000 unit kos rendah dihitung menelan RM2 bilion bagi satu tahun iaitu RM6 bilion pada keseluruhannya.

Timbalan Perdana Menteri pada masa itu berkata Rancangan Khas Rumah Kos Rendah ini adalah program jangka pendek, segera dan mendesak yang akan dapat menaikkan kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak dua hingga tiga peratus. Beliau berkata dia akan memulihkan bilik operasi (operation room) di peringkat kebangsaan, negeri dan juga daerah bagi memastikan kejayaan Rancangan Khas ini.

Pada 10hb. Januari, 1986 beliau mengumumkan satu strategi, pakej insentif untuk memastikan kejayaan Rancangan Khas ini yang termasuk:

- (i) potongan bayaran peguam untuk surat perjanjian bagi rumah kos rendah;
- (ii) premium yang lebih rendah bagi tanah-tanah Kerajaan yang digunakan untuk pembinaan rumah kos rendah;
- (iii) Jawatankuasa Penyelaras Pusat untuk mengatasi masalah yang

timbul dalam peringkat pelaksanaan;

- (iv) Membentuk Jawatankuasa Penyelaras yang sama di setiap negeri; dan
- (v) melonggarkan spesifikasi dan syarat-syarat mengenai penyediaan infrastruktur di rancangan perumahan.

Pada 15hb. Januari, 1986, Menteri Perumahan pada masa itu Datuk Chan Siang Sun berkata Rancangan Khas Rumah Kos Rendah yang dilancarkan baru-baru ini di seluruh negara telah mencapai matlamat pembinaan sebanyak 80,000 unit setiap tahun. Harapan 'euphoria' naik dan pada 20hb. Jun, 1986 Menteri Perumahan mengumumkan matlamat Rancangan Khas telah ditambahkan kepada 288,000 unit rumah atau 96,000 setiap tahun.

Pada 21hb. Oktober, 1986, Yang Berhormat Tuan Abdul Ghafar bin Baba yang telah menggantikan Datuk Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri mengumumkan bahawa beliau dapat mengatasi masalah-masalah dalam pelaksanaan Rancangan Khas ini.

Pada 31hb. Januari, 1987, Bank Negara telah menguatkan (reaffirmed) komitmennya untuk memastikan institusi kewangan akan menyediakan RM2 bilion setiap tahun sebagai tabung baru untuk membiayai Rancangan Khas ini. Selepas itu, program ini, setelah tiba-tiba ditambahkan matlamatnya kepada 320,000 unit rumah, merincik dan jatuh dalam sejarah kegagalan Kerajaan Malaysia.

Sudahkah Kerajaan mengubah satu mekanisme serta lain-lain butir bagi

Program Perumahan Kos Rendah pakej baru RM1.4 bilion atau ini satu gim-mick atau trick untuk pilihanraya besar yang akan datang di tahun hadapan dan akan dilupakan semacam Program RM6 bilion dilupakan selepas ia digagalkan?

Ketiadaan butir mengenai bilangan unit Rumah Kos Rendah yang akan dibina, nampaknya menunjukkan Kerajaan masih tidak pasti tentang bagaimana ia akan dapat menyelesaikan sekali gus masalah membekalkan rumah yang mampu dibeli (*affordable housing*) oleh rakyat miskin dan berpendapatan rendah. Dengan peruntukan RM1.4 juta hanya 56,000 unit rumah berharga RM25,000 seunit dibina—56,000 unit sahaja—jauh daripada matlamat 320,000 dalam tahun 1986. Walaupun program ini adalah begitu modest (*sederhana*) berbanding dengan rancangan khas RM6 bilion.

Yang Berhormat Menteri Kewangan harus sedar, harus sedia untuk mengetahui satu Jawatankuasa Peringkat Tinggi untuk memastikan pelaksanaan, jika dia serius dalam program RM1.4 bilion untuk memberi '*affordable housing*' kepada rakyat jelata, kalau tidak tentu akan gagal, oleh kerana sudah gagal sekali sebanyak RM6 bilion.

Laporan Ekonomi Tahun 1993/94 membawa satu rencana mengenai satu ulangkaji (*review*) ke atas program penswastaaan. Ulangkaji tersebut menangani soal manfaat penswastaaan tanpa menangani kelemahan, penyalahgunaan dan pembaziran, khususnya akauntabiliti dan transparansi, bukan sahaja dalam pemberian penswastaaan bahkan dalam operasi entiti yang telah diswastakan.

Pada bulan Ogos tahun lepas, misalnya saya berkata di Kuantan bahawa

tender terbuka untuk kontrak stesen televisyen swasta kedua ialah TV4 hanyalah satu formality. Satu formality sahaja kerana adalah diketahui umum dalam industri penerangan, industri maklumat bahawa Melewar Corporation akan berjaya.

Pada masa yang sama, Yang Berhormat Menteri Penerangan menyuarakan kemarahan yang sahihnya tentang bagaimana sebarang kontrak boleh diberikan apabila tender tersebut hanya akan dibuka untuk tender pada bulan berikutnya—beliau sangat marah. Tetapi pada bulan September tahun ini, beliau sendiri mengumumkan bahawa Kabinet telah meluluskan pemberian lesen TV4 kepada Metropolitan TV Sdn. Bhd., satu anak syarikat kumpulan Melawar yang akan melepaskan pegangannya ke atas 45%, dengan Utusan Melayu memegang 30% dan 25% lagi dikongsi oleh anak syarikat yang lain termasuk Berjaya Group, Nanyang, Kemas Runding, Redifussion dan Telekom Malaysia.

Apa yang Yang Berhormat Menteri Penerangan dapat kata sekarang? Beliau sendiri sudah mengesahkan kenyataan saya di Kuantan pada bulan Ogos tahun lepas bahawa amalan tender dalam proses penswastaaan hanya akan menjadi formaliti jika mereka tidak perlu beroperasi di bawah keadaan syarat akauntabiliti dan transparansi serta sekuriti orang ramai. Apa yang lebih teruk ialah dia akan memberikan alasan yang baik untuk rasuah, penyalahgunaan kuasa dan percurangan yang tidak berertika.

Yang Berhormat Menteri Kewangan berkata dalam Ucapan Budget bahawa Biro Pengaduan Awam telah pun diberi kuasa untuk berfungsi sebagai satu ombudsman dan bolehlah menyiasat setiap

aduan dan penderitaan rakyat. Boleh atau tidak? Siapa percaya sekarang? Tanpa apa-apa legislatif powers, bolehkah Public Complaints Bureau berkuasa menyasat setiap aduan dan penderitaan rakyat? Ini menjadikan konsep ombudsman satu mockery sama sekali, oleh kerana jawatan diisikan oleh pegawai Kerajaan yang rendah, tetapi sebuah institusi yang berkuasa tinggi dengan kuasa untuk mempertahankan warganegara daripada administrative injustices oleh Kerajaan atau structure Public Complaints Bureau. Bagaimana satu Public Complaints Bureau boleh disamakan dengan seorang ombudsman?

Apa yang jelas sekali dan perlu ialah satu ombudsman untuk penswastaaan bagi mengatasi penyalahgunaan kuasa dan pembaziran dalam proses penswastaaan, sama ada dalam pemberian atau dalam operasi dan pengurusan entiti yang diswastakan seterusnya, khususnya apabila sesebuah monopoli swasta yang mementingkan keuntungan telah bangkit untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

Orang awam semestinya dapat membawa penderitaan atau sungutan mereka kepada ombudsman penswastaaan apabila mereka mempunyai aduan tentang penyelewengan atau perkhidmatan yang tidak memuaskan oleh entiti yang diswastakan. Misalnya, apabila PLUS gagal untuk memelihara Lebuhraya Utara-Selatan yang lebih mudah, cepat dan selamat, sementara terus menaikkan kadar bayaran tol atau di mana Telekom dengan tidak adil mengenakan caj ke atas pelanggan, seperti caj menyambung semula talian sebanyak RM50 atau di mana Tenaga Nasional Bhd. telah gagal membersihkan mutu perkhidmatan dan bekalan elektrik yang memuaskan kepada pengguna.

Baru-baru ini MAS telah memesan pakaian seragam bagi pramugara/pramugari dan crewnya. Setiap set yang diberikan kepada pramugari mengandungi 6 helai pakaian, sepasang kasut, dua pasang slipper, satu beg tangan dan satu beg. Pakaian baru ini diperkenalkan dalam bulan Januari, 1993. Design tidak bertukar, cuma tukar warna sahaja. Harga setiap set ialah RM15,000. Saya tidak pasti sama ada tender harga dipanggil, tetapi set ini masih dibekalkan. Saya dimaklumkan bahawa 3,000 set telah dipesan dan ini bererti perbelanjaan kesemuanya RM45 juta. Kalau itu benar, mungkin ini menunjukkan bahawa ada orang dalam jabatan atau pejabat pembelian yang akan mengaut keuntungan besar.

Saya juga difahamkan bagi pramugara dibekalkan dengan 4 pakaian suite, 8 helai baju dan seluar dan sepasang kasut yang bernilai RM500. Saya tidak tahu, mungkin ianya lebih murah daripada kasut Yang Berhormat Menteri Kewangan, [*Ketawa*] tetapi komplek daripada Stewards MAS ialah kasut itu nilainya tidak sampai RM100. Inilah perkara-perkara yang harus mendapat perhatian dari Jawatankuasa Ombudsman mengenai penswastaaan jika Jawatankuasa ini ditubuhkan. Walau macam manapun, saya berharap Menteri Pengangkutan dan mungkin Menteri Kewangan yang disifatkan sebagai diantara "the best dressed man" [*Ketawa*] di rantau ini, bolehlah memberi penjelasan yang memuaskan.

Penswastaaan yang terbaru ialah penswastaaan kontrak 25 tahun untuk mengutip tol di Jambatan Pulau Pinang kepada Mekar Idaman Sdn. Bhd., iaitu sebuah anak syarikat kepada United Engineers Malaysia yang bermula daripada 1hb. Oktober tahun ini hingga

tahun 2018. Dewan Rakyat masih belum dimaklumkan tentang syarat penuh penswastaan Jambatan Pulau Pinang ataupun mengapa UEM yang mempunyai pertalian dengan UMNO menjadi syarikat yang paling disukai bagi tawaran kontrak penswastaan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan satu senarai penuh kesemua kontrak-kontrak penswastaan yang ditawarkan kepada UEM ataupun yang akan ditawarkan kepada UEM dan anak-anak syarikat serta associatesnya, dengan memberi butir-butir sepenuhnya serta juga lain-lain projek penswastaan baru yang mereka ada menunjuk minat. Pihak Kerajaan harus membentangkan di Dewan Rakyat ini syarat penuh bagi setiap kontrak penswastaan untuk maklumat dan pertanyaan Ahli Parlimen. Kenapa ini dirahsiakan? Selepas sesuatu kontrak penswastaan ditandatangani, Kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk membentangkan kontrak itu dalam Dewan Rakyat supaya discrutinise. Kalau Ahli Parlimen tidak dibenarkan untuk mendapat butir-butir mengenai kontrak penswastaan yang akan melibatkan masa depan rakyat Malaysia bagi tempoh 20 atau 30 tahun yang akan datang, tentulah ini satu tindakan yang tidak bertanggungjawab.

Saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh mengambil perhatian iaitu selaras dengan akauntabiliti transparensi adalah satu peraturan yang baru dibuat di mana semua kontrak-kontrak penswastaan selepas ditandatangani menjadi public documents. Apa rahsia? Adakah untuk mortgage masa depan 10 tahun, 15 tahun kemudian?

Sehubungan dengan ini—saya tidak mahu minta Yang Berhormat Menteri Kewangan—tetapi saya mahu minta Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memberikan di Dewan Rakyat dan Negara ini satu kenyataan yang jelas mengenai status, fungsi dan peranan bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin di dalam Kerajaan. Sama ada beliau menikmati status Menteri, sama ada beliau sekarang diberi tanggungjawab untuk Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Program Penswastaan dan sama ada beliau beroperasi sebagai seorang “Super Minister?”

Sebelum saya menamatkan ucapan saya, saya ingin menyentuh secara ringkas beberapa perkara yang saya rasa mustahak. Menurut MITI, sehingga bulan Jun tahun ini, pelaburan sejumlah RM62.41 bilion telah diluluskan oleh MIDA iaitu 78%. Dari jumlah ini hanya RM25.43 bilion atau 40.7% adalah datang dari sumber-sumber tempatan. Sebanyak RM21.57 bilion adalah diperlukan dari sumber-sumber ini dalam tempoh 3 bulan akan datang jika ingin mencapai matlamat 60% di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

Satu sebab penting mengapa pelaburan tempatan lembab bagi sekian lama ini adalah kerana Kerajaan telah gagal membawa industri kecil dan sederhana (SMI) kepada mainstream pembangunan perindustrian negara. Dalam tahun-tahun 1970an dan 1980an, Kerajaan lebih berminat tentang peratusan dan kuota berbanding menubuhkan SMI sebagai tulang belakang kepada struktur perindustrian negara.

SMI harus diberi tempat dan diiktirafkan sebagai mempunyai potensi yang terbesar sebagai satu sumber pelaburan tempatan dan Kerajaan haruslah menggubal satu Dasar Induk (Master Plan) SMI supaya menggalakkan SMI ke dalam mainstream pembangunan perindustrian negara.

Sebagai langkah ke arah ini, DAP ingin menyeru Kerajaan meminda Industrial Coordination Act (ICA), yang kini memerlukan syarikat pembuatan yang mempunyai tabung pemegang saham sebanyak RM2.5 juta atau lebih atau mempunyai 75 atau lebih pekerja sepenuh masa untuk memohon mendapat lesen pembuatan. Syarat ini haruslah dinaikkan kepada RM10 juta, khasnya bagi syarikat pembuatan yang mempunyai sekurang-kurangnya 70% ekuiti rakyat Malaysia sebagai langkah untuk menggalakkan domestic investment.

Saya juga menyeru Kerajaan mengkaji semula dan membenarkan penubuhan sekerja bagi 130,000 pekerja elektronik di Malaysia. Pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja telah mendakwa bahawa sebab mengapa Kerajaan telah menafikan hak 130,000 pekerja-pekerja elektronik untuk menubuhkan sebuah kesatuan kebangsaan adalah kerana tekanan daripada syarikat-syarikat multi-national.

Kerajaan telah memberitahu ILO pada bulan Jun tahun ini bahawa dakwaan oleh pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja adalah tidak berasas, kerana Kerajaan yang menentukan apa yang baik kepada rakyatnya dan ia tidak akan menyerah diri kepada apa jenis tekanan dari mana-mana pihak.

Akan tetapi, di sebuah forum umum ALIRAN di Pulau Pinang, Sabtu lalu, apabila soalan ini ditimbulkan oleh seorang peserta, Ahli Parlimen Barisan Nasional dari Nibong Tebal, mengaku sebab Kerajaan tidak membenarkan 130,000 pekerja-pekerja elektronik di Malaysia hak untuk menubuhkan sebuah kesatuan kebangsaan ialah kerana inilah satu syarat pelaburan yang ditetapkan oleh syarikat-syarikat elektronik multi-national (MNC).

Ini amatlah sedih kalau hak-hak pekerja Malaysia dinafikan, oleh kerana ini adalah satu taktik oleh syarikat-syarikat elektronik multi-national, yang bukan sahaja menghinakan maruah pekerja-pekerja Malaysia dan tetapi juga Malaysia pada keseluruhannya. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi keluar negeri untuk mempertahankan maruah kenapa benarkan MNC untuk terma-terma hak-hak pekerja di tanahair kita.

Oleh sebab itu, Kerajaan negeri harus buat satu ulangkaji dan memberi kepada 130,000 pekerja-pekerja elektronik di Malaysia hak untuk berpersatuan dan Kerajaan haruslah lebih percaya kepada pekerja-pekerja Malaysia bahawa mereka ingin menubuh kesatuan bukan untuk memusnah atau menghalau syarikat-syarikat elektronik MNC, tetapi semata-mata untuk melihat sebuah syarikat yang lebih seimbang dan penyayang.

Kerajaan harus amat sensitif akan keperluan untuk memperolehi keyakinan rakyat Malaysia semua kaum, jika Malaysia ingin maju sebagai sebuah negara menuju Wawasan 2020 menjadi sebuah negara yang maju dan bersatu.

Sehubungan ini, Kerajaan harus menyedari bahawa keyakinan bukan Melayu akan terjejas dengan serius jika hak-hak mereka di bawah Dasar Pembangunan Negara 1991-2000 dijejaskan seperti semasa Dasar Ekonomi Baru 1970-1990 dilaksanakan.

Baru-baru ini, saya telah menerima satu aduan yang saya fikir hanya akan berlaku semasa zaman DEB dan bukan dalam zaman NDP dalam tahun 90an.

Ini adalah berkenaan seorang yang bernama Tan Tian Sang, bekas Pengerusi

Persatuan Peniaga Petroleum, yang memiliki Everbright (BP) Service Station di Jalan Genuang, Segamat selama 22 tahun. Stesen petroleum beliau telah pun dirobohkan apabila tamatnya lease tanah tersebut.

Syarikat petroleum BP setuju menempatkan semula Tan Tian Sang ke sebuah stesen servis yang baru di Taman Molek, Johor Bahru kerana tidak ada stesen minyak BP yang lain di Segamat.

Walau bagaimanapun, permohonan Tan Tian Sang kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Penggunaan untuk mendapatkan sebuah lesen dari PDA pada 7hb. Ogos, 1993 telah pun ditolak oleh Kementerian pada 10hb. Ogos 1993, walaupun satu jaminan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ada dibuat satu dialog dengan Persatuan Peniaga Petroleum bahawa beliau tidak ada bantahan di mana peniaga petroleum dikehendaki ditempatkan semula oleh kerana ada sebab, stesen mereka tutup.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan dapat memberi satu jawapan yang memuaskan semasa penggulungan perbahasan ke atas ketidakadilan yang nyata kepada seorang rakyat Malaysia yang telah menjalankan sebuah stesen petrol lebih daripada 20 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah mengesahkan pada minggu lepas bahawa SRJK (C) Kuo Kuang di Taman Ungku Tun Aminah, Johor Bahru adalah sekolah rendah yang terbesar di negara ini, dengan 4,513 murid-murid, 54 buah kelas dan 154 orang guru-guru. Sekolah rendah

kedua besar di negara ini ialah SRJK (C) Kwang Hwa, Butterworth yang mempunyai 3,955 murid-murid dengan 60 buah kelas dan 122 orang guru. 10,000 orang penduduk Taman Ungku Tun Aminah telah menandatangani satu petisyen kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan meminta Kerajaan memperuntukkan tanah dengan serta-merta SRJK (C) Kuo Kuang (2) dapat dibina dengan seberapa segera yang mungkin untuk kepentingan keperluan pendidikan 100,000 di Taman Ungku Tun Aminah di Johor Bahru dan kawasan perumahan sekelilingnya yang menjadi sebuah kawasan perumahan yang terbesar di dalam negara ini.

Malaysia tidak mempunyai sebab untuk bangga dengan mempunyai sebuah sekolah yang mempunyai begitu ramai murid-murid, mengakibatkan kesesakan jalan raya yang besar dan ancaman kepada keselamatan dan nyawa kepada murid-murid setiap kali sekolah bermula dan berakhir. Dan saya menggesa Menteri Pendidikan memberi prioriti tertinggi kepada keperluan untuk membina bangunan sekolah SRJK(C) Kuo Kuang(2) dengan perbelanjaan Kerajaan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, pada sidang Parlimen bulan April, saya membangkitkan berbagai penyelewengan dalam pemberian kontrak mega-TNB. Terdapat perkembangan-pekerjaan yang terkini yang saya ingin diperolehi penjelasan daripada Kementerian berkenaan.

Di atas Kontrak Turbin Fasa III Kapar, Pelabuhan Kelang; selepas memilih tiga daripada enam syarikat yang membentangkan tender, iaitu Mitsubishi, NEI dan Assaldo, tiga syarikat yang lain telah diambil juga kerana ada lobi dan campur tangan yang amat kuat.

Dua daripada tiga tawaran adalah daripada ABB, sangat masyhur nama ini dalam Dewan yang mulia ini sekarang, daripada GEC Alsthom, pun sangat masyhur juga. Selepas pendedahan saya di Parlimen akan bagaimana ABB/NEI hampir mengenakan TNB sebanyak RM400 juta ke atas penukaran 'combined cycle exercise' Paka dan Pasir Gudang, saya rasa syarikat-syarikat ini patutlah disenaraihitamkan dan tidak dibenarkan untuk memasuki tender. Adakah syarikat-syarikat ini mempunyai, dengan izin, 'god-father' yang sangat berpengaruh dan berkuasa dalam politik dan perniagaan.

Saya pun difahami bahawa semua kontrak untuk pakej 'Boiler' 2x500MW bagi Stesen Elektrik Kapar sengaja dilewatkan oleh EPDCI Jepun. Saya telah berkata di Parlimen pada Julai bahawa terdapat lobi yang amat kencang dan melibatkan peringkat amat tinggi untuk menetapkan kontrak 'Boiler' kepada Barat Heavy Electrical Industry (BHEL) dan Tetracon yang terdiri daripada bekas kakitangan-kakitangan TNB.

Terdapat perubahan besar baru-baru ini, BHEL adalah pemegang lesen Combustion Engineering USA. Lesen untuk boiler 500 megawatt telah tamat sebelum tender. BHEL dan Tetracon seharusnya tidak lagi layak ke atas sebab ini. Tetapi TNB memberi masa untuk mereka menyelesaikan masalah ini dengan C.E USA. Adakah ini disebabkan bahawa terdapat kick-back sebanyak 10% ialah lebih kurang RM80 juta yang saya pun pernah sebutkan dalam Parlimen Julai lalu? Saya difahami juga semua pakej Fasa III Kapar Power Station seharusnya telah diputuskan dan diberikan, tetapi EPDCI sedang melewati proses dengan harapan dapat memberi penyelesaian yang terbaik untuk

syarikat-syarikat Jepun. Dan pinjaman OCEF daripada Jepun walaupun tidak terikat, pada prinsipnya adalah terikat dalam semua aspek.

Pindaan sedang diberikan kepada spesifikasi yang ditender dan syarat kontrak di atas pakej boiler dan turbine yang menghendaki perubahan yang besar oleh syarikat-syarikat yang kemukakan permohonan tender, dan diberi tiga hingga lima hari untuk melengkapkan jawapan, sementara syarikat Jepun sudah mempunyai semua jawapan melalui pengetahuan syarikat Jepun sudah mempunyai semua jawapan melalui pengetahuan yang terlebih dahulu yang dibekalkan oleh EPDCI—the Consultant. Parlimen berhak mengetahui apakah yang sudah berlaku di dalam pemberian kontrak Mega-TNB, kerana penyelewengan dan "kick-backs" akan akhirnya ditanggung oleh rakyat Malaysia dan pengguna.

Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan akan menunjukkan bahawa sebenarnya dalam semua perkara ini beliau akan memberi satu contoh kepimpinan supaya dalam negara kita, korupsi, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan tidak lebih bermaharajalela, oleh kerana tentulah dia sendiri percaya dan tahu korupsi sekarang lebih dahsyat daripada masa dahulu, lebih luas, lebih bermaharajalela kalau kita banding dengan masa beliau menjadi pemimpin ABIM. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Marang.

5.23 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]: Tuan Yang di-Pertua, assalamualaikum warahmatullahi wabara-

katuh. Wassalamu 'alamanittabaal huda. Kita tidak menafikan betapa kemampuan Kerajaan melalui Menteri Kewangannya untuk membentangkan Belanjawan tiap-tiap tahun. Masalah kewangan cukup atau tidak, boleh diatasi sekurang-kurangnya dengan membebaskan negara dengan hutang dalam negeri atau luar negeri, atau menanggungkan penjelasan hutang yang lalu, atau melambatkan pembayarannya. Semua cara boleh dirundingkan, terutama dengan pihak yang bersedia untuk memberi sumbangan apa sahaja dan walaupun berapa jumlahnya untuk memenangkan Kerajaan masa pilihanraya, atau di masa pemilihan pucuk pimpinan parti. Selepas itu, mestilah dikenang budi dengan peluang-peluang yang diberi untuk mengambil keuntungan yang lebih berlipat ganda. Beginilah cara negara yang mengamalkan politik wang dalam pemilihan parti dan pilihanraya untuk mencapai kuasa menjadi Kerajaan. Walau bagaimanapun, kita perlu membuat perkiraan secara teliti kepada pihak Kerajaan dan memberi pandangan dan kritik, walaupun dikatakan mempunyai wawasan yang sangat jauh, kerana kebajikannya dirasakan oleh semua orang, dan begitulah juga jika berlaku sebaliknya, akibatnya dirasakan oleh semua orang.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat kesejahteraan rakyat dan masyarakat penyayang tidak boleh dicapai tanpa mengetahui seluruh keperluan manusia menurut naluri mereka yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T, iaitu keperluan memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda. Semua perkara asas semula jadi ini tidak boleh dilupakan, walaupun ketika kita menegakkan Melayu Baru atau Malaysia Baru, kerana perkara naluri ini merupakan perkara tetap menjadi peraturan alam tabii yang tidak boleh dipinda sekali-kali.

Berlakunya gejala-gejala yang tidak sihat di semua peringkat yang masih ketara menandakan perhatian bagi menekankan perkara-perkara tersebut tidak berkesan atau tidak memberi perhatian dan menunaikan tanggungjawab dengan cara yang sepatutnya. Kita tidak menafikan betapa kejayaan yang dicapai oleh pihak Kerajaan bermula daripada mengadakan kemudahan-kemudahan asas infrastruktur sehinggalah ke peringkat pencapaian ekonomi yang ada sekarang. Tetapi perhatian perlu diberi kepada beberapa perkara negatif yang sangat membahayakan masa depan negara yang telah menjadi bukti keruntuhan negara yang lebih maju dan lebih kuat.

Tuan Yang di-Pertua, masalah keruntuhan moral dalam aspek politik berlaku apabila menularnya politik wang yang ditonjolkan dalam semua kegiatan politik oleh parti yang memerintah hari ini. Perangai mengamalkan politik wang bukan sahaja dalam pilihanraya umum atau pilihanraya kecil apabila menghadapi parti-parti Pembangkang, tetapi juga diamalkan dalam pertarungan merebut pucuk pimpinan utama dalam parti yang dikatakan menjadi tunggak Kerajaan yang memerintah, di mana berlakunya ada tangan ketiga yang mengambil kesempatan, bukannya menanggung di air keruh, tetapi berterus terang menanggung di air jernih sehingga menjadi perbualan umum di kalangan rakyat di semua peringkat yang sangat sukar untuk dinafikan, walaupun hendak dinafikan dan walaupun dengan cara yang bebas daripada tindakan undang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pilihanraya Dewan Undangan Negeri Batu Talam dan Kampung Raja baru-baru ini, ternyata politik membeli-belah manusia dengan benda masih berlaku,

sama ada dengan cara menyalahgunakan Jabatan-jabatan Kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat secara berselindung di sebalik memberi bantuan kepada pengundi-pegundi miskin. Kita menyedari bahawa memberi bantuan kepada rakyat miskin dan termiskin menjadi kewajipan siapa sahaja menjadi Kerajaan, siapa sahaja yang memerintah, walaupun parti apa yang memerintah. Tetapi soalnya mengapa diprogramkan dalam masa pilihanraya, dan secara menjaja calon-calon parti di pihak parti Kerajaan? Mengapa segala projek segera dilaksanakan di tempat berlakunya pilihanraya? Mengapa Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri berlumba merasmikan berbagai-bagai perkara tertumpu di kawasan pilihanraya kecil, di samping berlakunya pembahagian benda untuk membeli undi di waktu malam dan siang hari? Tidakkah ini suatu rasuah politik, walaupun tidak boleh diambil tindakan undang-undang, tetapi berselindung di sebalik undang-undang dan menyalahgunakan kuasa?

Rakyat di semua peringkat telah diajar supaya menilai sesuatu dengan kepentingan kebendaan, bermula dengan menggunakan saham, wang, pangkat, sehinggalah kain batik dan kain pelekak dalam semua pemilihan Kerajaan atau kepimpinan parti Kerajaan. Demikianlah cara untuk membentuk Melayu Baru dan Malaysia Baru yang berwawasan sehingga syarat pertama untuk melayakkan seseorang itu menjadi pemimpin mestilah kuasa kebendaan dan kewangan berada di tangannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menafikan betapa perlunya kewangan dan kemajuan kebendaan bagi sesebuah negara. Negara mesti mencapai tahap keperluan kewangan yang ditunaikan dengan cara yang setinggi-tingginya dan

kemajuan kebendaan yang sepesat-pesatnya. Tetapi kebendaan itu bukannya berhala yang disembah dan dipuja. Ia sekadar menjadi alat untuk kebahagiaan manusia dan menjadi saluran untuk menegakkan keadilan dan kebenaran. Apakah kita telah menegakkan perkara ini dengan berlakunya apa yang dilarang oleh Allah S.W.T. di dalam Al-Quranul Karim yang bermaksud, "supaya ianya tidak berkisar di kalangan orang-orang yang kaya sahaja." Seperti di kalangan golongan korporat yang besar-besar sahaja. Sedarkah bahawa masalah kemiskinan masih belum dapat diatasi termasuk di negeri-negeri yang kaya di kalangan negeri-negeri di Malaysia ini, walaupun Kerajaannya boleh dikatakan kaya juga, tetapi masalah kemiskinan rakyat masih belum dapat diatasi?

Masih ada undang-undang dan peraturan yang menindas nelayan-nelayan dan petani-petani miskin. Masih ramai petani-petani yang tidak mempunyai tanah milik sendiri dan meneroka tanah yang diharamkan oleh Kerajaan dan tumbuhnya pula padang-padang golf yang merebak di seluruh negara untuk kemudahan pelancong dan golongan atasan.

Kadang-kadang tanah petani yang luas sekangkang kera pun dipaksa atau dirampasnya untuk keperluan padang golf dan pembangunan hotel-hotel berkelas tinggi. Sedarkah Kerajaan atau memejamkan mata, betapa masih ada nelayan-nelayan di persisiran pantai yang mencari sedikit rezeki terpaksa melakukan kesalahan undang-undang perikanan kononnya untuk mengawal alam sekitar dan hidupan laut yang diambil tindakan undang-undang sehingga ada yang didenda berpuluh-puluh ribu ringgit seperti yang berlaku baru-baru ini kepada dua orang nelayan

di Terengganu kerana terpaksa menggunakan pukal yang kecil sahaja yang tidak dikeluarkan lesennya.

Mampukah nelayan-nelayan yang seperti itu untuk membayar denda sebanyak itu? Banyak lagi peristiwa yang tidak dilihat oleh mereka yang berada di menara gading yang berwawasan itu. Apakah kita mahu supaya mereka terpaksa menjadi pencuri, perompak, lanun dan pengedar dadah untuk menyara hidup mereka?

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan kebendaan di samping berlakunya kemelesetan moral tidak dapat menjamim kebahagiaan dan kewibawaan sesuatu bangsa. Sejarah telah membuktikan Empayar Parsi dan Rome, Tamadun China, India dan lain-lain yang dibina di atas kebendaan tanpa moral telah menemui kehancuran dan kemusnahan termasuk yang dialami oleh negara moden zaman kini yang mencapai tahap negara maju dan negara besar yang mempunyai kuasa Veto di Bangsa-Bangsa Bersatu yang sedang menghadapi krisis moral sama ada yang telah runtuh seperti Soviet Union atau yang mengalami penyakit moral yang tenat seperti negara-negara di Benua Amerika dan Eropah.

Masalah keruntuhan akhlak yang berlaku di pusat-pusat pengajian di semua peringkat sama ada yang rendah ataupun yang tinggi termasuk di Universiti Islam Antarabangsa yang sepatutnya menjadi contoh kepada yang lain sangat membimbangkan. Sehingga ini tidak ada suatu tindakan yang berkesan untuk mengatasinya. Walaupun ditiupkan slogan penerapan nilai-nilai Islam dan membentuk insan kamil, tetapi tidak menegakkan ilmu di atas prinsip yang dinyatakan oleh Allah Subhanahu wa-Ta'ala:

“Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan. Telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah dengan nama Tuhanmu yang sangat pemurah. Yang mengajar manusia dengan qalam. Yang mengajar manusia apa yang ia tidak tahu.”

Kerana sistem yang memberi penekanan kepada ilmu semata-mata, termasuklah mengilmukan Islam—bukan mengislamkan ilmu, tidak mencapai matlamat melahirkan insan kamil, tetapi melahirkan insan robot yang bergerak melalui suis yang dipetik oleh orang yang memegang suis. Insan yang tidak teguh akar umbinya berpegang kepada agama, tetapi mudah dihanyutkan oleh arus yang melanda mereka. Kalau arus Islam, maka Islamnya buat sementara waktu dan kalau arus memandang ke Timur, maka semuanya bercakap tentang memandang ke Timur. Kalau arus bercakap tentang wawasan, maka semuanya bercakap tentang wawasan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang berlaku boleh melahirkan jahiliah terpelajar yang lebih merbahaya daripada jahiliah buta huruf. Yang dikatakan jahiliah itu ialah semua yang lain daripada petunjuk Allah. Walaupun Parsi dan Rome yang paling bertamadun di masa Islam dibawa oleh Nabi Mohammad S.A.W. Walaupun kuasa yang dianggap paling maju dan berkuasa di zamannya dari segi kebendaan dan lahiriah dan termasuklah di kalangan negara maju zaman kini yang dilanda krisis moral dan nilai kemanusiaan sejagat sehingga berlaku kegiatan mempertahankan hidupan liar lebih penting daripada memelihara sahsiah manusia. Apakah kita mahu meniru masyarakat Barat yang kaya itu sehingga terpaksa mendirikan rumah-rumah kebajikan orang-orang tua dan uzur

kerana kaum keluarga tidak merasa bertanggungjawab?

Orang-orang tua terpaksa ditemani anjing kerana anak-anak tidak mengambil kisah. Lahirlah penjenayah berpelajaran tinggi kerana tidak bersedia untuk bekerja berat dan kasar, kerana semuanya mahu berkolar putih. Kerajaan perlu menyedari bahawa slogan "Masyarakat Penyayang" yang disebut dalam Budget dua tahun yang lalu masih belum tercapai. Sehingga akhir-akhir ini, berlaku peristiwa-peristiwa pembuangan bayi yang menjadi perbincangan hangat. Berlakunya jenayah juvana, penipuan orang-orang korporat yang bertaraf tinggi di samping masalah dadah dan pengedarannya yang masih tidak boleh diatasi, di samping itu juga jenayah-jenayah yang lain, walaupun diambil tindakan undang-undang yang keras dan tegas.

Bertambahnya kadar jenayah di semua peringkat di negara maju dan tidak kurang juga di negara kita menunjukkan bahawa manusia tidak puas dengan "isi perut" dan dapat memenuhi hawa nafsu semata-mata tanpa menunaikan keperluan rohani yang menjadi sebahagian daripada aspek naluri manusia. Namun demikian, program di semua tempat hanya memberi perhatian sambil lewa sahaja untuk membanteras keruntuhan akhlak di mana undang-undang yang lemah dan ternyata gagal masih diteruskan.

Program TV yang disalurkan dengan mudah ke seluruh pelusok negara dan ke dalam kebanyakan rumah tidak memberi tempat yang sebanyak-banyaknya ke arah mendidik, tetapi lebih banyak menumpukan kepada hiburan tanpa batasan dan kawalan yang baik dan terlalu mematuhi kepada selera orang ramai tanpa pertimbangan moral yang

lebih tepat. Di mana masih bocornya program yang ternyata sepatutnya boleh mendidik masyarakat, termasuklah anak-anak kepada akhlak yang tidak baik sangat berbeza dengan budaya penduduk semua kaum di negara ini, sama ada Melayu, Cina atau India kerana yang ditonjol ialah Barat atau yang disadur dengan cara Barat.

Apakah kita masih mahu mengekalkan saki-baki zaman penjajahan yang tidak berguna ini semata-mata kerana selera, walaupun membawa kesan yang sangat negatif kepada masyarakat kita? Bukan bermakna kita menolak perkara-perkara yang baik. Kerana Islam mengajar kita supaya mengambil yang baik dan bijaksana walau, dari mana datangnya sekalipun. Perkara-perkara tersebut telah disebut berulang kali di dalam Dewan ini, sama ada melalui ucapan atau soalan oleh orang ramai juga di kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sama ada di pihak Pembangkang atau di pihak Kerajaan. Tetapi, di antara jawapan-jawapan yang diberi ialah, "telah ditapis", "akan ditimbang" dan "mengikut selera penonton-penonton".

Tetapi malangnya, tidak berlaku perubahan yang benar-benar memberi kesan untuk memerdekakan Kementerian Penerangan dari saki-baki penjajahan, walaupun kita telah mencapai kemerdekaan lebih daripada 30 tahun. Pernah berlaku masalah meluluskan antena parabola. Ini suatu perkara yang amat membimbangkan. Apakah akibatnya sekiranya antena parabola ini dizinkan apabila TV boleh dipetik dan boleh mengambil apa sahaja program dari mana-mana negara dalam dunia ini? Gambarkanlah betapa kedahsyatan kesan moral yang akan berlaku kepada kita. Di sana terdapat pula hiburan yang diswastakan, yang diberi keizinan oleh

pihak Kerajaan melalui berbagai-bagai konsert dan pesta-pesta yang menjadi penaungnya ialah pemimpin-pemimpin negara dan masyarakat. Di mana berlakunya pergaulan-pergaulan bebas dan cara-cara yang boleh menggalakkan maksiat dan jenayah yang lebih merugikan daripada nilai pungutan duit yang diambil daripada pesta tersebut.

Apabila saya menyebut perkara ini, bukanlah bermakna kita tidak mahu berhibur dan bersukaria, tetapi perlu diketahui bahawa manusia ini mempunyai batas sempadan yang menentukan nilai dan harga diri, yang membezakan mereka dengan haiwan dan makhluk-makhluk yang lain. Ternyata bahawa cara yang dibawa oleh Barat dalam berhibur tidak ada nilai akhlak, bahkan tidak ada nilai kesenian itu sendiri, tetapi lebih bersifat tidak berakhlak, gila, meleka, melalai dan membawa keruntuhan. Kita semua tahu dan melihat kesan-kesannya sendiri, sama ada yang berlaku di negeri kita sendiri di kalangan pemuda-pemuda kita yang kita sayangi dan kasihi.

Apakah kita mahu menunggu berlakunya keadaan yang lebih parah dan sukar daripada yang ada sekarang? Maka di manakah letaknya slogan wawasan? Kerana perkara yang tersebut menjadi salah satu di antara yang membawa wawasan yang buruk dan menghalang wawasan yang baik dan menghilangkan keperibadian umat khususnya generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di antara yang memberi kesan yang sangat negatif kepada moral juga ialah kebanjiran pelancong-pelancong asing yang tidak ada "class" langsung seperti penagih-penagih dadah, pengotor, perosak akhlak, pembawa penyakit merbahaya dan lain-

lain perkara yang membawa masalah yang lebih merugikan daripada wang dan hasil pulangan daripada kedatangan mereka. Bukan di kalangan pelabur dan mereka yang benar-benar untuk melihat keindahan alam semulajadi negara kita ini. Usaha begitu giat dan cergas untuk menarik pelancong dengan berbagai-bagai kemudahan dan galakan walaupun terpaksa membelangkangi kepentingan rakyat seperti mengadakan tempat penginapan yang memaksa rakyat berundur ke tempat lain. Menyediakan padang golf yang memaksa rakyat menyerah tanah atau menjejaskan kepentingan pertanian dan perikanan. Menyediakan jeti pendaratan yang lebih baik dan indah daripada jeti yang disediakan untuk nelayan. Kadang-kadang nelayan miskin terpaksa dihalaui untuk mendarat dan berehat di mana-mana pulau kerana hendak memberi lebih keselesaan kepada pelancong-pelancong asing. Tetapi tidak ada usaha yang berkesan untuk menghalang pelancong-pelancong yang tidak ada "class" itu. Tidak ada tindakan yang tegas yang menyeluruh untuk menghalang kesan negatif daripada pelancongan tersebut. Ternyata di mana kawasan yang aktif kegiatan pelancongan, maka di situlah berlakunya keruntuhan akhlak seperti dadah dan sebagainya sehingga melibatkan belia-belia yang sangat mentah dan pelajar di sekolah-sekolah, kerana mereka boleh belajar minum arak dan lain-lain daripada pelancong-pelancong yang tidak ada "class" tetapi membuka "kelas-kelas" keruntuhan akhlak di kawasan-kawasan pelancongan.

Apakah kita tidak mengambil iktibar bahawa tidak ada negara yang maju dan kaya dengan hasil pelancongan. Pendapatan melalui pelancongan lebih bersifat sampingan, bukan menjadi sumber asasi. Belajarlah daripada apa

yang berlaku di Lubnan, Monte Carlo dan lain-lain tempat di dunia. Apakah Kerajaan mahu menjadikan aktiviti pelancongan yang menggila dan tidak terkawal sebenarnya itu sebagai satu tangga mencapai wawasan?

Tuan Yang di-Pertua, kebanjiran pekerja-pekerja asing kerana bayaran gaji murah yang sangat menguntungkan majikan-majikan juga boleh memberi kesan moral kepada rakyat. Bermula daripada datangnya mereka yang tidak berakhlak dan tidak diingini di negara mereka sendiri, sama ada yang datang secara undang-undang tetapi tidak teliti untuk memberi kebenaran atau yang datang secara haram dan lebih tidak terkawal. Apakah kita tidak sedar apabila kita menghadapi masalah pendatang haram dari Vietnam dulu di mana negara-negara ketiga hanya menerima orang-orang yang terpilih sahaja untuk kepentingan mereka. Sangat merbahaya kalau kita jadikan negara kita laksana tong sampah yang boleh mengisi apa sahaja.

Walaupun dalam mencapai keuntungan yang besar, Kerajaan hendaklah mengawal semua pihak yang terlibat dengan kedatangan buruh asing ini. Tidak mengejar keuntungan tanpa batas akhlak dan membahayakan negara dengan langkah menerima tenaga yang benar-benar berfaedah dan juga tidak menjejaskan kepentingan anak negeri yang masih ramai menjadi penggangur dan mencari kerja jenayah yang membahayakan dan merugikan, termasuklah akan merugikan majikan-majikan yang mahukan buruh murah dan meninggalkan kepentingan penggangur tempatan. Kalau hanya mencari sumber manusia di mana sahaja datangnya tanpa batas dan nilai kepentingan rakyat, maka suatu kesan

politik, ekonomi dan sosial yang berlaku selepasnya akan menjadi suatu kerugian dan bencana kepada negara ini.

Adalah sesuatu yang aneh dan sekaligus membimbangkan kerana faktor hubungan di antara produktiviti dan moraliti masih dipandang oleh pihak Kerajaan sebagai sesuatu yang remeh-temeh. Sikap dingin yang ditunjukkan oleh Kerajaan amat bercanggah dengan dua faktor keadaan yang sedia wujud:

- (i) agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan; dan
- (ii) hasrat Kerajaan sendiri yang ingin mewujudkan sebuah masyarakat yang mempunyai ketahanan moral yang tinggi adalah salah satu cabaran strategi Wawasan 2020.

Sungguhpun sistem kapitalisma liberal tidak mengiktirafkan peranan moral sebagai faktor penting dalam meningkatkan produktiviti, pengalaman Barat telah membuktikan bahawa keruntuhan moral telah menjejaskan produktiviti. Kita tidak mahu apabila negara mencapai tahap industri yang matang, kita juga akan terjebak dengan pusingan atau undang-undang ekonomi yang telah menjerat leher negara-negara pasca industri di Barat sekarang. Undang-undang ekonomi ini dikenali sebagai "Undang-undang Pulangan Ekonomi" yang makin berkurangan. Salah satu sebab kenapa pulangan ekonomi berkurangan, disebabkan pekerja-pekerja tidak lagi produktif, disebabkan runtuhnya ketahanan moral sebagai salah satu faktor terpenting. Bibit-bibit ke arah ini telah mula mendapat tempat dalam masyarakat Malaysia pada akhir-akhir ini, di mana penyelewengan moral bukan lagi berkisar sebagai permasalahan

tradisional seperti penyalahgunaan dadah tetapi mencakupi aktiviti-aktiviti seperti pengguguran dan pembuangan anak-anak haram, perlakuan zina di kalangan kaum keluarga terdekat, liwat, disiplin murid-murid sekolah dan lain-lain. Dengan lain perkataan, keruntuhan moral sekarang adalah bersifat menyeluruh.

Secara lebih spesifik atau terperinci perbincangan umum di atas dapat dikaitkan dengan masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja kilang di syarikat-syarikat gergasi milik perbadanan antarabangsa. Satu isu yang telah lama diperkatakan dalam akhbar-akhbar harian tetapi sehingga kini belum mendapat pembelaan yang sewajarnya dari pihak Kerajaan. Isu berkaitan yang ditonjolkan ialah pihak majikan tidak membenarkan pekerja-pekerja lelaki Islam menunaikan sembahyang Jumaat dan paling terkini seperti berlaku di Negeri Sembilan ialah masalah pekerja kilang beragama Islam bersekedudukan atas daya inisiatif pihak majikan sendiri. Pihak majikan juga mempunyai tanggapan bahawa program-program anjuran Majlis Agama Islam Negeri untuk pekerja kilang beragama Islam sebagai mengganggu operasi kilang mereka, dengan lain perkataan, menjejaskan produktiviti. Ini dilaporkan oleh akhbar *Berita Harian* pada 25hb. Oktober, 1993.

Adalah tidak logik bahawa masalah ini harus diselesaikan oleh pihak pekerja sendiri atau dibebankan kepada Majlis Agama Islam Negeri yang berkaitan. Kerajaan sendiri yang sepatutnya dipersalahkan. Sepatutnya Jawatankuasa Kabinet mengenai Pelaburan Asing memberi arahan yang jelas kepada Majlis Agama Islam Negeri yang berkaitan. Kerajaan sendiri yang sepatutnya

dipersalahkan. Sepatutnya Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan Asing memberi arahan yang jelas kepada pelabur-pelabur atau pemodal asing mengenai isu ini, tidak cukup dengan hanya menyatakan dalam buku panduan untuk pelabur asing dengan hanya menyebut secara umum bahawa agama Islam adalah agama rasmi negara dan tidak lebih dari itu. Sepatutnya Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan Asing hendaklah mengemukakan satu garis panduan yang jelas sebagai contoh kepada pelabur-pelabur asing:

- (i) hendaklah membenarkan pekerja lelaki Islam menunaikan sembahyang Jumaat; dan
- (ii) pekerja-pekerja lelaki dan perempuan yang bukan muhrim tidak boleh ditempatkan di asrama yang sama dan lain-lain.

Amatlah menghairankan Perdana Menteri yang begitu lantang membidas negara-negara Barat sehingga dianugerah pangkat wira, mendiamkan diri seribu bahasa apabila berdepan dengan karenah pelabur asing yang juga mewakili kuasa-kuasa besar. Sekiranya fenomena pekerja Islam dibiarkan bersedudukan secara berleluasa, implikasi jangka panjangnya amatlah buruk. Akan berleluaslah kes-kes pengguguran dan pembuangan bayi secara haram yang menyebabkan pengamal-pengamalnya mengalami tekanan sosial dan psikologi yang akhirnya melahirkan krisis sosial yang teruk dan ini secara langsung atau tidak langsung menjejaskan produktiviti pekerja berkenaan.

Aspek moral anggota masyarakat, termasuk pekerja tidak boleh dilihat sebagai suatu yang enteng kerana

kesejahteraan masyarakat amat bergantung kepada kesihatan moral anggota masyarakatnya. Ini juga merupakan risalah terpenting kenapa para Rasul diutuskan kepada umat manusia di sepanjang zaman. Kewujudannya masyarakat yang mengalami krisis moral akan membantut pertumbuhan ekonomi kerana terpaksa menanggung kos sosial yang tinggi.

Dalam hal ini tidaklah menjadi satu kesalahan sekiranya Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan Asing bertegas dalam hal-hal yang berkaitan dengan kebajikan pekerja-pekerja Islam. Lagi pun Kerajaan sendiri meransang syarikat-syarikat milik perbadanan antarabangsa agar memikul tanggungjawab sosial dengan cara yang menyeluruh. Perbahasan ini dapatlah disimpulkan bahawa aspek moral perlu dilihat sebagai salah satu faktor pengeluaran yang penting yang ada kaitan dengan kesejahteraan ekonomi. Semoga dengan adanya kewaspadaan ini, Malaysia yang dianggap sebagai syurga bagi pelabur asing tidak akan menjadi neraka bagi pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kontradisi percanggahan yang wujud ialah dalam usaha Kerajaan ingin mempopularkan budaya akram dalam kehidupan masyarakat. Dalam saat yang sama, timbul fenomena budaya lepak yang lebih serius. Ada beberapa sebab kenapa ia terjadi.

Yang pertama, usaha melahirkan budaya akram melalui program "Rumah Ku, Syurga Ku" adalah "melepas batuk di tangga". Program ini lebih menitikberatkan ceramah di mana penglibatan golongan sasaran adalah minimum. Peruntukan untuk tujuan ini adalah juga minimum. Sebagai contoh, Pusat Islam memperuntukkan lebih kurang RM1.9 juta bagi tahun 1993.

Yang kedua, golongan belia yang lepak disebabkan mereka tidak boleh dan tidak diberi peluang untuk berpartisipasi dalam pembangunan. Arus pembangunan sekarang telah menyisihkan mereka dan mereka telah dipinggirkan dalam proses pembangunan menyebabkan mereka kehilangan akar-umbi budaya moral. Ini adalah kerana bentuk pembangunan di bandar-bandar besar lebih bersifat bagi memenuhi citarasa golongan atasan dan menengah. Golongan belia yang lepak adalah golongan yang masih lagi tidak bekerja dan dengan ini tidak mampu berpartisipasi dalam arus penghidupan bandar. Dalam saat yang sama, golongan belia adalah golongan yang mempunyai tenaga yang banyak yang perlu disalurkan ke tempat-tempat yang lebih bermanfaat. Untuk mengelakkan budaya lepak, dicadangkan bahawa di semua bandar-bandar disediakan pusat kegiatan awam tertutup. Di bangunan ini disediakan berbagai-bagai bentuk permainan yang sihat dan bermoral. Pusat kegiatan awam ini juga perlu menyediakan sudut kraftangan. Belia boleh berpartisipasi, malah digalakkan untuk berpartisipasi dengan dikenakan bayaran yang paling minimum. Ini bermakna pusat kegiatan awam ini ada lebih bersifat "service-oriented."

Tuan Yang di-Pertua, kegagalan sistem pendidikan sekular sudah menjadi pengetahuan umum yang tidak boleh dilindungi. Buktinya ialah jenayah kolar putih 7,000 orang terlibat- 500 pengarah syarikat dan 160 pegawai Kerajaan. BMF - RM2.4 bilion, dan koperasi pengambil deposit - RM1.4 bilion. Masalah sosial remaja dan belia/remaja sumbang sehingga Jun 1993 bagi kawasan Kuala Lumpur sahaja - 216 pasangan ditangkap. Kes rogol, pada tahun 1991-682 kes, dan pada tahun 1992 - 771 kes. Kes dera anak, pada tahun

1990 – 56 kes, tahun 1991 – 112 kes, tahun 1992 – 134 kes. Pembawa kuman HIV sehingga Jun 1993, sebanyak 6,135 kes.

Lebih malang lagi, kes seperti ini bukan sahaja berlaku di kawasan mundur tetapi lebih banyak berlaku di Lembah Kelang yang terkenal dengan lembah emas. Dan Lembah Kelang, kes kehamilan remaja luar nikah ialah 20% dari jumlah ibu-ibu yang hamil dan kadar ini sentiasa meningkat sebanyak 10% setahun. Ini dilaporkan oleh *Berita Harian* pada 20hb. dan 21hb. Julai, 1993.

Kegagalan sistem pendidikan kini lebih ternyata lagi apabila didapati golongan yang berjaya dalam pendidikan kononnya, ialah para mahasiswa dan mahasiswi sendiri yang melakukan khalwat dan pelacuran ditangkap oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan berjumlah 174 orang sehingga September 1993. Pendidikan sekular hanya melahirkan manusia yang tamak dan mengejarkan duniawi dengan melupakan Tuhan. Satu kajian telah dibuat ke atas peniaga pasar malam. Dua buah pasar malam di Shah Alam didapati hanya 3% sehingga 6% sahaja dari mereka yang menunaikan sembahyang Magrib pada hari mereka berniaga di pasar malam.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai alternatif, sistem pendidikan kini yang terbukti gagal membina manusia yang dikehendaki dan diredhai oleh Allah S.W.T., maka sistem pendidikan Islam hendaklah dilaksanakan. Di zaman sistem pendidikan Islam dibenci oleh Kerajaan, maka lahirilah sekolah-sekolah agama persendirian di seluruh negara yang didirikan oleh pejuang dan pencinta Islam. Sekolah agama telah memberikan sumbangan yang besar bukan sahaja kepada umat Islam tetapi kepada

Kerajaan Malaysia. Dia telah memberi kemudahan tempat belajar kepada 600,000 penuntut, memberi pekerjaan kepada 24,000 orang guru dan dia menjimatkan wang Kerajaan sebanyak RM5 bilion setahun dari membina sekolah baru bagi menampung keperluan murid yang bertambah.

Dalam keadaan yang sedemikian besarnya sumbangan sekolah agama swasta kepada masyarakat dan Kerajaan, penindasan sentiasa dilakukan oleh Kerajaan kepada mereka. Sekolah agama ditindas, tidak diberi bantuan dan kadang-kadang dirobohkan. Bantuan per kapita yang telah ditetapkan dan diluluskan sebanyak RM30 sehingga RM60 setahun bagi setiap pelajar telah tidak diberi dan dinafikan haknya. Sedangkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja yang menyiasat kes kebakaran Sekolah Agama Rakyat Taufiqah, Padang Lumat, Yan, Kedah telah mencadangkan supaya bantuan per kapita dinaikkan sebanyak 10 kali ganda iaitu kepada RM300 sehingga RM600 setahun bagi setiap murid, bagi sekolah-sekolah sekular.

Kerajaan sanggup membelanjakan sejumlah RM704 sehingga RM1,116 bagi seorang murid setahun. Pendidikan Islam telah terbukti berjaya mengatasi masalah sosial. Buktinya di negeri Kelantan yang telah mengamalkan secara yang lebih besar sistem pendidikan Islam melalui sekolah agama Kerajaan Negeri dan pondok swasta Kelantan adalah negeri yang paling rendah kadar jenayah—1.21 dari setiap 1,000 penduduk. Ini dinyatakan oleh Ketua Polis Negara baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita begitu prihatin sekali dengan trend pembangunan ekonomi negara sekarang di samping kita mempersoalkan masalah-

masalah moral yang berlaku kini. Kita mengikuti perkembangan ini dengan begitu serius sungguhpun kita dimaklumkan dengan pencapaian tahap ekonomi negara yang dikatakan sangat memuaskan. Kita masih lagi tertanya-tanya tentang sejauh manakah rakyat bawahan benar-benar mengambil manfaat dengan lempahan ekonomi itu walaupun dengan janji penurunan cukai dan berbagai-bagai persediaan yang disebut, golongan petani, nelayan dan buruh, mereka yang berada di kawasan-kawasan setinggian menghadapi kos kehidupan yang kian meningkat. Walaupun terdapat janji untuk mengawal inflasi, suatu janji yang diberi kepada tiap-tiap pembentangan Budget di mana pengagihan pendapatan hasil daripada pembangunan ini masih menghadapi masalah kos penghidupan yang kian meningkat dan masih mempunyai jurang perbezaan yang luas yang tidak dirasakan oleh orang-orang yang sentiasa dikelilingi oleh golongan korporat yang besar-besar. Hanya sekali sekala ke tempat petani, nelayan, buruh dan kawasan-kawasan setinggian, pendapat golongan eksekutif dan para pekerja biasa adalah begitu ketara perbezaannya. Ini bukan sahaja berlaku di sektor swasta bahkan berlaku juga di sektor awam.

Kedudukan harga pasaran pula lebih diasaskan kepada kuasa membeli golongan atasan dan menengah, bukannya golongan bawahan. Sungguhpun kadar pendapatan golongan bawahan di kalangan petani, nelayan dan buruh dikatakan meningkat tetapi mereka masih tidak mampu untuk menghadapi harga pasaran yang diasaskan kepada keupayaan golongan atasan dan menengah tadi. Sekiranya suasana ini tidak diatasi secara tindakan yang berkesan, kita yakin bahawa jurang pendapatan yang begitu ketara lambat-laun akan mencetuskan

suasana yang tidak harmonis di dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, keghairahan Kerajaan bercadang sekarang dalam membangunkan ekonomi negara melalui pemusatan program pembangunan industri secara tidak disedari telah membantutkan program pembangunan rakyat luar bandar. Program secara langsung rakyat luar bandar yang umumnya adalah golongan rakyat yang berpendapatan rendah telah tidak diberi keutamaan di mana dasar yang diamalkan sekarang ini nampaknya mengheret kepada keadaan menerima apa sahaja yang dicorakkan oleh Kerajaan, iaitu kuasa saingan di antara kembiri-kembiri politik yang menang melalui politik wang dan golongan-golongan kapitalis.

Kerajaan melalui pindaan Kanun Tanah telah sanggup mengambil tanah rakyat untuk diberikan kepada golongan kapitalis dengan alasan kepentingan pembangunan ekonomi negara. Seperti yang saya tegaskan tadi, di mana banyak tanah rakyat telah diambil untuk tujuan pembangunan mewah yang sama sekali tidak mungkin dinikmati oleh mereka seperti pembinaan padang golf, hotel-hotel mewah dan kilang-kilang yang memerlukan tenaga mahir yang berskil tinggi, yang sama sekali tidak mungkin dilakukan oleh rakyat tempatan. Sungguhpun Kerajaan akan tetap mendakwa, kesemuanya itu adalah untuk kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengheret negara ke satu era yang berasaskan kepada kepentingan kebendaan dalam bentuk kapitalis yang berdasarkan Islam dan program Islamisasi yang tetap mempunyai matlamat politik yang sehingga ini mendapat pujian Barat seperti Margaret

Thatcher dan John Major yang tetap tidak akan memuji kalau tujuannya Islam tulen, kerana Barat tidak pernah memuji orang-orang seperti Hassan Albanna, Syed Qutb, Maududi dan lain-lain. Yang dipuji ialah orang-orang seperti Kamal Ataturk, Shah Iran dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, ternyata di dalam slogan "Menerapkan Nilai-nilai Islam" yang ditiupkan oleh Kerajaan hanya memilih mana-mana ajaran Islam yang difikirkan dapat memberi pulangan kewangan dan sokongan politik semata-mata. Bukannya menurut nilai dosa pahala kerana muamalah riba, mengejar keuntungan secara menindas, masih terus-menerus diamalkan dengan berleluasa tanpa menghormati prinsip amal makruf, menyuruh kepada yang baik dan nahi mungkar, mencegah kemungkaran yang mesti dilaksanakan secara serentak. Muamalah yang dizinkan, dipilih mana-mana yang lebih mendapat pulangan keuntungan berlipat ganda dan muamalah riba dan lain-lain yang diharamkan juga diizinkan kerana difikirkan boleh memberi keuntungan yang lebih berlipat ganda atau dengan lain perkataan, takut kepada tekanan-tekanan bukan Islam dari dalam atau luar, lebih takut daripada amaran Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua, setelah dunia, dilanda oleh kegagalan ideologi Timur dan Barat, maka berlakunya kebangkitan Islam, kesedaran untuk kembali semula kepada Islam di kalangan umat Islam, termasuk di kalangan mereka yang berpendidikan, yang berorientasikan Barat dan yang berada di dunia Barat dan bergelumang dengan tamadunnya, melalui pendidikan dan peranan media massa yang begitu lama. Perkembangan ini lebih pesat berkembang di kalangan generasi muda. Islam yang pernah membawa penganutnya ketika diamalkan,

pernah menegakkan negara dengan keunggulan peribadi, politik dan ekonomi sangat membimbangkan khususnya di kalangan negara-negara Barat yang menguasai dunia pasca perang dingin dan telah pun wujud sebelum perang dingin, setelah negara umat Islam dibahagi mengikut faraid di zaman penjajahan dahulu. Ada negara yang dibahagi kepada penjajah Inggeris, ada negara yang dibahagi kepada penjajah Peranchis dan ada yang dibahagi kepada Belanda, Russia dan lain-lain. Penjajah-penjajah itu terpaksa memberi kemerdekaan dengan perancangan menegakkan negara sekular selepas mencapai kemerdekaan. Curiga, kebencian dan kebimbangan kembali semula.

Peranan Islam di dalam arena dunia diperkatakan oleh semua kalangan di Barat, sama ada di kalangan politik atau pendidik sehingga menamakan Islam dengan pelampau, jumud, pengganas dan lain-lain. Berbagai-bagai cara di lakukan untuk membendung kesedaran kembali semula kepada Islam. Bermula daripada melemparkan tuduhan ke atas Islam seperti kolot, jumud, tidak sesuai dengan perkembangan zaman dan sebagainya. Kesemua tuduhan-tuduhan ini ternyata melesetnya.

Dalam tahun 60-an, ditonjol teori menempel Islam kepada ideologi-ideologi yang diamalkan di negeri umat Islam. Negara-negara Asia Barat yang beramalkan dengan sosialisme, menggunakan para ulama upahan supaya menaja slogan sosialisme Islam, mengarang makalah, artikel, buku-buku yang berkaitan dengan sosialisme Islam dengan berhujahkan beberapa titik persamaan yang ada di antara Islam dan sosialisme seperti pengharaman riba, penentangan terhadap penindasan ekonomi dan lain-lain.

Begitu juga keadaannya di negeri umat Islam yang beramal dengan kapitalisma, dengan menonjolkan perkara muamalah, kegiatan ekonomi bebas yang dibawa oleh Islam. Tetapi mengeneppikan masalah halal-haram di mana kesemuanya berteraskan materialisme yang tidak boleh disembunyikan apabila bertembung dengan arus kebangkitan Islam yang sebenar, dipelopori oleh gerakan Islam. Lalu dalam tahu 70-an dan 80-an, ditonjol dengan program Islamisasi bagi membendung arus kesedaran Islam yang mencetuskan revolusi di Iran dan perubahan mengejut yang berlaku di Sudan. Soviet Union menunjukkan kegelabahannya menakluk Afghanistan yang berakhir dengan kekalahan dan keruntuhan Soviet Union.

Program Islamisasi dilakukan oleh Anwar Sadat di Mesir dengan menonjolkan slogan "Ilmu dan Iman" dan diikuti oleh beberapa negara umat Islam dengan berbagai-bagai slogan, yang berupa dan berbentuk Islam. Kerajaan Mesir bukan sahaja mengizinkan dibuka institusi kewangan, pusat-pusat pengajian Islam sehinggalah mengarahkan kenderaan awam memisahkan tempat duduk lelaki dan kaum wanita. Panel Islam ditubuhkan untuk mengkaji pelaksanaan hukum Islam secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, tidaklah boleh menyembunyikan sikap ragu kepada Islam seperti yang diajar oleh tuan-tuan mereka. Prinsip negara yang tidak berdasarkan kepada Islam tetap dipertahankan habis-habis kononnya untuk melaksanakan Islam itu, mestilah tadarud, beransur-ansur tanpa membezakan bahawa di dalam Islam itu ada perkara tadarud yang diansur-ansurkan dan ada perkara yang mesti dilaksanakan serta-merta.

Usaha melaksanakan Islam secara serpihan dan pinggiran ini, bukan sahaja

tidak boleh mencapai matlamat yang dikehendaki oleh Islam, tetapi juga apabila berlakunya sebarang kegagalan maka Islamlah yang dipersalahkan dan menjadi senjata dua mata iaitu untuk meredakan kebangkitan Islam dan mempunyai wawasan untuk mengeneppikan Islam pada akhirnya.

Kami menghargai semua pelaksanaan Islam yang dilakukan. Tetapi kami tidak boleh menerima jika menjadikannya kerja sampingan di separuh jalan dan jika sekiranya ia tidak dibina di atas wadah Islam, dalam erti kata yang sebenarnya kerana melaksanakan Islam itu sama ada bersifat kerana yakin dan percaya kepada Islam, melaksanakannya dengan yakin dan percaya kepada keberkatan yang dijanjikan oleh Tuhan ataupun kerana kepentingan-kepentingan kebendaan dan sebab-sebab bagi mengekalkan kekuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat antarabangsa usaha membendung kebangkitan Islam dilakukan dengan begitu aktif. Apabila dilakukan halangan kepada kemenangan Islam di Algeria secara demokrasi, walaupun mereka menjunjung dan sangat-sangat mempertahankan demokrasi. Rupanya demokrasi untuk kemenangan puak mereka. Maka tidak ada demokrasi untuk memberi kemenangan kepada Islam, maka Barat lebih mengizinkan rejim-rejim tentera memerintah di kebanyakan negeri-negeri umat Islam. Halangan-halangan dilakukan untuk menyekat penubuhan negara Islam di Afghanistan dengan berdiri di sebalik masalah semangat kabilah yang wujud di Afghanistan dan mengapikan perpecahan kabilah di Afghanistan. Di sana ada negara-negara yang menghulur bantuan untuk mengapi-apikan masalah kabilah dan puak di Afghanistan.

Di wilayah-wilayah merdeka dari penjajahan komunis, mereka menempatkan bekas pemimpin komunis di kalangan orang-orang Islam. Sekiranya ada kesempatan bagi golongan Islam untuk berkuasa seperti yang berlaku di Tadzhikistan, mesti digulingkan dan dibelasah habis-habisan. Dalam pergolakan yang berlaku di Republik Rusia, sokongan diberikan kepada Yeltsin untuk menentang golongan yang dinamakan konservatif. Kita tidak bersetuju juga dengan golongan konservatif yang ingin membawa kepada komunisma yang hancur. Tetapi ada pemerhati politik menyatakan di antaranya kerana faktor terdapat beberapa orang yang berketurunan atau berdarah Islam seperti Ruslan Khasbulatov dan lain-lain dalam pimpinan konservatif. Sebagaimana teretusnya peperangan di Teluk adalah lebih bersifat untuk menguasai sumber dan punca-punca yang dibimbangkan terjatuh ke tangan golongan Islam. Walaupun merekalah yang membekalkan senjata kepada Iraq sebelumnya dan menguasai telaga minyak, pada hal dalam masa yang sama mereka boleh membenarkan Israel memiliki teknologi tinggi dan memiliki senjata nukleor, walaupun Israel telah banyak melakukan jenayah perang dan pencabulan terhadap hak asasi manusia.

Kita merasa ragu terhadap Kerajaan kerana sikap yang tergesa-gesa menyokong Perjanjian Asia Barat Israel Palestin yang kononnya memberi kuasa otonomi yang terhad kepada dua wilayah Gaza Strip dan Jericho yang dianggap "tanah sial" oleh orang-orang Yahudi, yang merupakan 1.5 dari bumi Palestin. Walaupun ia merupakan satu hak yang diberi daripada hak-hak yang dirampas, tetapi sebenarnya merupakan satu penghinaan laksana menyerah kalah kepada perompak yang merampas sebuah rumah lalu mengiktiraf hakmilik rumah

kepada perompak itu kerana diserahkan balik satu bilik kecil dan satu tempayan kecil untuk keperluan air, di samping membiarkan 98.5% dari bumi Palestin dimiliki secara haram oleh Israel dan mendiamkan tuntutan ke atas Baitul Maqdis, perjanjian yang sangat menguntungkan Israel dan menghina umat Islam yang berhak ke atas bumi Palestin.

Isu Palestin adalah isu keagamaan dan keislaman yang tidak menjadi hak orang-orang Palestin atau PLO sahaja, yang telah menunjukkan sikap menyerah kalah dan berundur ke belakang sejak beberapa tahun. PLO yang telah melarikan pengkalannya ke Tunisia telah dipanggil secara tiba-tiba ketika Israel gagal berdepan dengan kebangkitan Islam yang dipimpin oleh Hamas dan Jihad Islami melalui 'intifadhah' di semua lapisan rakyat Palestin sehinggalah kepada anak-anak yang mampu melontar batu ke arah tentera Israel yang bersenjata canggih. Maka Perjanjian Damai yang ditaja oleh Barat itu hanyalah untuk memberi nafas kepada Israel untuk menghadapi 'intifadhah' dan untuk menimbulkan kebingungan di kalangan rakyat Palestin dan seterusnya menggunakan Palestin untuk membunuh Palestin. Bukanlah bermakna kami tidak bersetuju kepada perdamaian, bukan bermakna kami menentang perdamaian, bukan bermakna kami tidak menyetujui perdamaian, tetapi kami menyedari bahawa penaja perdamaian itu sebenarnya bukan ahli perdamaian, tetapi penaja perang, di seluruh pelusuk dunia yang membekalkan Israel dengan berbagai-bagai senjata canggih.

Satu perkara lagi sehingga kini Israel tidak mengambil perhatian terhadap kota suci Baitul Maqdis untuk dikembalikan kepada umat Islam; masih tidak memberi keputusan muktamad

berhubung dengan penghijrahan orang-orang Yahudi dan menghalau orang-orang Palestin dari rumah mereka. Cita-cita empayar Israel dari Lembah Nil sehingga Euphrates yang tertulis di Kanisah, di Parlimen Israel masih tetap menjadi slogan yang tidak dihapuskan sehingga hari ini.

Beberapa tokoh ulama-ulama Islam yang terkemuka dari beberapa buah negara Islam termasuk Dr. Yusof Qardhawi telah pun mengeluarkan satu fatwa, kenyataan mengharamkan perjanjian tersebut kerana melihat segala yang tersirat di samping terlalu sedikit yang tersurat. Berdasarkan kepada keadaan-keadaan ini kita sangat berdukacita di atas keizinan Kerajaan Indonesia kepada lawatan Perdana Menteri Israel seolah-olah tidak menghormati lebih 200 juta umat Islam yang ada di rantau ini, seolah-olah tidak menghargai semangat persaudaraan di kalangan negafa-negara ASEAN sebahagian daripadanya adalah negara umat Islam di samping tidak menghormati majoriti umat Islam yang menjadi rakyat Indonesia sendiri.

· Tuan Yang di-Pertua, double standard yang ditunjukkan oleh Barat dalam menangani masalah Bosnia-Herzegovina lebih menunjukkan usaha menyekat kewujudan Islam di Eropah. Walaupun mereka boleh membenarkan segala bentuk kebebasan yang banyak meruntuhkan manusia, apakah mereka melupai jasa Islam dan penganutnya, yang telah memberi nafas tamadun kebendaan, yang menjadi kebanggaan Barat hari ini sekurang-kurangnya? Apakah dosa Islam dan penganutnya kalau dibandingkan terlalu jauh dengan jenayah yang dilakukan oleh mereka di masa Perang Salib dan di masa penjajahan: pembunuhan kaum asli di

Amerika, di Australia, di Asia dan menawan hamba-hamba abdi di Afrika adalah kerja-kerja orang-orang Eropah yang tidak boleh disembunyikan, maka sikap lama yang tidak bertamadun ini, apakah masih ada kepada orang-orang Barat?

Kami sangat menyokong tindakan Kerajaan dalam menghadapi isu Bosnia-Herzegovina ini, walaupun terlambat kerana telah berlaku masa yang panjang setelah diingatkan beberapa kali. Sekiranya sikap yang ditunjukkan dalam menangani Bosnia-Herzegovina berunsurkan penerapan nilai-nilai Islam kepada dasar luar negara, maka kami juga mengharapkan sikap yang sama dalam menghadapi masalah Palestin dan begitu juga masalah Kashmir yang juga mesti menjadi salah satu agenda yang mesti diberi perhatian, kerana kezaliman India sudah melebihi paras keterlualan, membunuh, merampas harta, membakar dan mencabul wanita adalah di antara perkara-perkara biasa yang berlaku di Kashmir.

India yang berbangga menjadi sebuah negara demokrasi yang terbesar di dunia, sepatutnya memberi kebebasan kepada rakyat Kashmir untuk menentukan nasib mereka sendiri melalui pilihanraya bebas dan itulah di antara keputusan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, tetapi oleh kerana cara pilihanraya memberi kemenangan kepada umat Islam di Kashmir, maka pilihanraya tidak mahu diadakan, yang dipilih ialah menggunakan kekerasan. Sementara itu, Kerajaan kita tidak peka terhadap penderitaan umat Islam di Kashmir. Ini ternyata apabila Kerajaan Malaysia mengadakan Perjanjian Pertahanan dengan India pada ketika tentera India meningkatkan kekejaman terhadap umat Islam di Kashmir. Kita tahu India mungkin

memiliki senjata nukleor dan mempunyai kekuatan angkatan perang di Lautan Hindi yang mudah difahami tujuannya, keadaan ini menjadikan ia tertonjol sebagai negara besar yang secara langsung mengerunkan jiran-jiran serantau yang selama-lama cemas dengan dasar gertak India terhadap mereka. Negara-negara yang terlibat itu ialah seperti Pakistan, Bangladesh, Maldives dan Afghanistan. Apabila Malaysia dikenali sebagai negara umat Islam, menandatangani Perjanjian Pertahanan dengan India dengan sendiri ia menjadi satu pukulan kepada umat Islam di rantau itu.

Apakah tujuan politik di sebalik sikap isu Bosnia yang kami menyokongnya dan perbezaannya dengan sikap dalam menangani masalah Palestin dan masalah Kashmir. Sepatutnya usul yang seperti Bosnia-Herzegovina juga hendaklah dikemukakan di dalam menangani masalah Palestin dan masalah Kashmir. Begitu juga masalah yang dilanda oleh umat Islam di Kepulauan Cyprus yang mengikut geografinya terlalu hampir dengan negara Turki. Penduduk Islamnya tidak dihormati, di mana golongan majoriti Greek yang diangkut oleh penjajah ke kepulauan tersebut, telah melakukan ataupun pernah melakukan kekejaman yang diketahui oleh umum, yang diketahui oleh masyarakat antarabangsa sehingga Kerajaan Turki terpaksa mengambil tindakan tentera bagi menyelamatkan golongan minoriti Islam di Kepulauan Cyprus. Dan sehingga ini Kepulauan Cyprus yang sebahagian daripada Kepulauan Cyprus yang dimiliki oleh orang-orang Islam di Turkey masih tidak mendapat pengiktirafan antara-bangsa, walaupun ianya ditimbulkan oleh pihak Greek dalam Persidangan Komanwel yang diadakan, kita tidak mendapat suatu sikap yang tegas bagi

mempertahankan hak-hak orang Islam terhadap sebahagian daripada Kepulauan Cyprus. Begitulah pragmatiknya kita menghadapi masalah nasional dan internasional sehingga kabur di dalam berpegang teguh dengan prinsip keadilan yang sebenarnya, iaitulah 'dasar hanyut' bersama dengan arus kepentingan dan muslihat diri yang berteraskan kebendaan, tanpa nilai benar atau salah dalam pengertian yang sebenar. Selama mana kita mahu bertegak di atas dasar ini, apakah kita menunggu apa dunia hendak buat, apa dunia kata dan apa Amerika dan sekutu-sekutunya hendak lakukan?

Tuan Yang di-Pertua, menurut Islam, manusia di seluruh dunia sejak dahulu sehingga sekarang dan akan datang adalah salah satu di kalangan makhluk Tuhan yang mencipta seluruh alam dan menetapkan kepada seluruh alam ini dengan undang-undang dan peraturan masing-masing. Sama ada yang berada di alam langit atau yang berada di muka bumi ini, termasuk yang ada di bumi ini makhluk manusia, maka Tuhan Pencipta yang dipercayai oleh semua agama, sama ada agama samawi, ataupun tidak. Manusia juga percaya kepada kebesaran Tuhan di antaranya ialah kekuasaan Tuhan mengadakan peraturan-peraturan yang ditetapkan kepada manusia dalam semua urusan dengan cara yang paling sesuai bagi mereka, sama ada yang melibatkan urusan kerohanian dan menurut Islam berhubung dengan semua perkara urusan diri manusia, individu dan masyarakat dan semua perkara yang ada hubungan dengan manusia.

Di sana ada perkara yang ditetapkan sebagaimana ditetapkan undang-undang tabii, dan ada juga perkara-perkara yang diserahkan kepada kebijaksanaan

manusia menurut akal, ilmu dan pengalaman yang dikurniakan oleh Allah kepada mereka. Di antaranya ialah perkara-perkara yang berkait dengan urusan kenegaraan. Kesemua perkara yang diperintah oleh Allah itu atau yang diberi hak secara meluas dan bebas menurut batas-batasnya mestilah dikawal oleh keikhlasan hati yang benar-benar tunduk kepada Tuhan. Inilah cara yang dapat mengawal naluri manusia dalam semua tindak-tanduk mereka, maka termasuklah dalam tindak-tanduk bernegara dan mentadbir negara.

Tanggungjawab kepimpinan negara dan pentadbiran tidak akan dilaksanakan dengan baik selagi tidak ada keikhlasan mereka yang mendokongnya. Oleh kerana keikhlasan bukan ucapan lidah dan tindakan berpura-pura sahaja, tetapi urusan hati yang menjadi raja dan pemimpin kepada diri manusia yang bertindak menurut perintah hati itu, maka hati tidak dapat diperbetulkan tanpa pegangan kepada agama. Selagi menganggap agama tidak ada hubungan dengan negara dan urusan pentadbirannya, maka keikhlasan tidak subur dalam hati, maka urusan tindak-tanduk manusia tidak dilaksanakan dengan baik, termasuklah dalam urusan negara dan pentadbirannya. Beginilah naluri manusia yang tidak berubah sama ada baru atau lama.

Pemisahan di antara agama dan negara yang menjadi asas negara moden di Timur dan barat sejak dahulu telah menjadikan orang-orang yang memegang amanah kepimpinan negara dan urusan pentadbirannya tidak terkawal dan tidak boleh mengawal diri kerana merasakan dirinya berkuasa penuh sama ada secara dictatorship atau diberi kuasa melalui demokrasi. Mereka boleh menggubal undang-undang atau memindanya bila

mahu dan boleh membuat apa sahaja peraturan walaupun di atas nama kebaikan dan keadilan tidak boleh menjamin manusia itu dapat mengawal hati manusia mereka dalam keadaan begitu kerana di antara sifat-sifat naluri manusia itu ialah individualistic, anialih di samping hidup bernegara dan bermasyarakat.

Dalam beberapa keadaan, tidak boleh diselaraskan di antara kepentingan diri dan kepentingan masyarakat. Negara yang menganut ideologi komunisma yang dibawa oleh Karl Marx telah gagal untuk menghapuskan sifat kepentingan diri kononnya untuk menonjolkan kepentingan masyarakat semata-mata di mana dengan naluri kepentingan diri yang tidak boleh dihapuskan dan tidak terkawal dengan kepercayaan kepada agama, pemimpin-pemimpin komunis menjadi kapitalis yang lebih besar daripada kapitalis di negara-negara kapitalis yang bebas untuk kepentingan diri. Akhirnya berlaku suatu keadaan yang membawa kepada kegagalan komunisma dan kemelesetannya yang berakhir dengan berkuburnya Soviet Union.

Maka keadaan yang sama akan berlaku di negara bebas di Barat yang juga memisahkan agama dengan negara di mana tidak ada aspek spiritual yang menjadi prinsip dan pegangan negara. Walaupun maju dalam aspek ekonomi dan lahiriah, tetapi manusia yang tidak terkawal hati mereka oleh agama dalam perkara negara dan pentadbirannya, di samping negara dan pentadbirannya juga tidak terkawal oleh agama, tidak boleh membebaskan diri daripada terpaksa melakukan politik wang, benda dan menyalahgunakan kuasa. Walaupun berjaya pada peringkat awalnya, akhirnya akan mengalami krisis moral dalam politik yang membawa kepada kerun-

tuhan moral dalam seluruh struktur negara. Gejala-gejala ini berlaku di Jepun yang menjatuhkan LDP; skandal Watergate yang menjatuhkan Presiden Nixon di Amerika dan keruntuhan peribadi di semua peringkat yang juga menjadi tanda-tanda kehancuran Barat. Seperti negara-negara umat Islam sendiri yang memerintah 14 abad menjadi negara besar dunia menemui kejatuhan setelah kepemimpinan negara dan corak pentadbirannya menuju ke arah memisahkan agama dengan negara.

Islam mewajibkan negara mempunyai hubungan dengan agama dan menegaskan bahawa urusan negara dan pentadbirannya menjadi sebahagian daripada agama Islam. Perkara ini ditegaskan oleh Al-Quranulkarim yang bermaksud, "mereka yang Kami beri kuasa memerintah di bumi, mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh kepada yang baik dan mencegah kemungkaran dan bagi Allah sahajalah akibat segala urusan".

Yang pertama, Islam mewajibkan orang-orang yang menjadi Kerajaan itu sentiasa mempunyai hubungan dengan Tuhan secara individu dan berkumpulan untuk membetulkan hati menjadi seikhlas-ikhlasnya, bukan sahaja kepada Tuhan tetapi juga kepada manusia dan perkara-perkara yang berkait dengan urusan negara sehingga meletakkan tugas itu menjadi sebahagian daripada ibadat yang wajib berlandaskan ikhlas untuk mencari keredaan Allah, bukannya untuk mendapatkan sokongan manusia semata-mata tanpa nilai yang ditetapkan oleh Allah. Walau bagaimana sibuk sekalipun bertugas, dia mestilah mengambil masa yang diwajibkan untuk berhubung dengan Tuhannya untuk memohon pertolongan dan menyedarkannya kepada perintah-perintah Tuhannya itu. Dengan

wujudnya ketundukan yang sebenar, maka dia tidak merasai dirinya berkuasa mutlak, boleh bertindak apa sahaja dan dia merasakan dirinya berada di bawah undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di dalam negara itu.

Yang kedua, Islam juga mewajibkan tanggungjawab harta benda yang wajib disumbangkan kepada masyarakat oleh mereka yang berada kepada yang tidak berada dan berhak mendapat pertolongan, kerana harta benda adalah menjadi ujian kepada manusia boleh mempengaruhi diri dan Kerajaan secara rasuah dan sebagainya. Lalu diharamkan rasuah, bukan sahaja dari segi undang-undang negara tetapi juga berdosa, kerana ia ada perhitungannya selepas mati, bukan sahaja salah dari segi undang-undang.

Allah Taala berfirman yang bermaksud, "Dan janganlah kamu memakan, menggunakan harta benda di kalangan kamu secara haram dan kamu memberi harta itu kepada orang-orang yang berkuasa menjatuhkan hukuman supaya kamu boleh memakan sebahagian daripada harta orang lain secara haram pada hal kamu mengetahuinya." Rasulullah s.a.w. menjelaskan lagi dengan sabdanya yang bermaksud, "Allah mengutuk orang yang memberi rasuah dan menerima rasuah." Islam telah meluaskan skop menyalahgunakan kuasa untuk mendapatkan harta benda dan memberi harta benda untuk mempengaruhi orang-orang yang berkuasa, termasuklah yang dihalalkan oleh undang-undang hari ini. Dan Islam telah menegaskan kepada Kerajaan, salah satu daripada contoh bagaimana harta ini dikendalikan oleh orang-orang yang berkuasa.

Yang ketiga, kewajipan menyuruh kepada yang baik dan mencegah

kemungkaran, di mana Kerajaan wajib melaksanakan perkara ini serentak dalam semua perkara seperti dalam perkara ekonomi yang seringkali ditonjolkan, mestilah menyuruh cara-cara yang halal, seperti muamalah perniagaan dan mengharamkan penindasan dan riba. Adalah tidak tepat dengan ajaran Islam, seperti menggalakkan penubuhan cara Islam di bank-bank, dalam masa yang sama membenarkan riba dan penindasan di atas nama keuntungan melalui nama menjual tangguh dan kalau dicampur keuntungan itu sama sahaja, lebih ataupun kurang sedikit daripada riba. Inilah cara berselindung yang dilakukan.

Seterusnya, yang keempat, Islam menegaskan bahawa semua perkara itu akan dikembalikan kepada Tuhan, yakni pertolongan di dunia sekiranya baik dan laknat sekiranya melakukan sebaliknya dan perhitungan di hari akhirat kepada semua yang terlibat. Kepada pemerintah, Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud, "Tiap-tiap orang di kalangan kamu menjadi pemimpin dan dia di soal berkenaan dengan kepimpinannya",

dipertanggungjawab juga kepada pengikut dan penyokong-penyokongnya.

Tuhan berfirman dalam perkara ini yang bermaksud, "Ingatlah, di hari Kami dipanggil manusia bersama dengan pemimpin yang diikuti." Yakni, semuanya dipertanggungjawab dan dibicarakan sama ada pemimpin yang tidak betul ataupun mereka yang menyokong dan mengampu pemimpin-pemimpin yang tidak betul. Namun begitu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa sudah suntuk. Yang Berhormat diminta menyambung esok.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.